


**Jilid I  
Bil. 38**



**Hari Khamis  
7hb Disember, 1978**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**

*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KELIMA**

*Fifth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**

*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 3781]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) [Ruangan 3805]**

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

*Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL YANG PERTAMA

#### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N.,  
D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO HUSSEIN  
BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian,  
DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P.  
(Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO LEE SAN  
CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Pengangkutan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.  
(Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH,  
S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI,  
P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI  
BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO HAJI  
ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL  
GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A.,  
P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ  
BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bahru).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO MICHAEL CHEN WING  
SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Pelajaran, DATO MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K.,  
S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS,  
J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.  
(Batu Berendam).
- „ Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N.  
(Jerantut).
- „ Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J.,  
D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDDIN, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAB ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).

Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).

- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SING (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K.,  
P.P.M. (Hilir Padas).

- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAI BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.  
(Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N.  
(Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI,  
P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Khamis, 7hb Disember, 1978

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN

**PROJEK KILANG KERTAS**

**1. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan bagaimanakah perkembangan mengenai projek Kilang Kertas yang terganggu sekian lama disebabkan oleh faktor-faktor yang tertentu. Nyatakan:

- (a) apakah sebab-sebabnya terjadi demikian;
- (b) bagaimana sikap Kerajaan terhadap projek itu; dan
- (c) nyatakan keputusan-keputusan yang telah dicapai dalam satu perjumpaan di antara Menteri Kewangan dengan ahli-ahli Lembaga Pengarah kilang yang tersebut pada 19-5-1977.

**Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a) Ahli Yang Berhormat tidak menyatakan projek kertas yang manakah yang dimaksudkan. Walau bagaimanapun, jika yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah kilang Pulp and Paper Industries saya telah difahamkan bahawa sebab utama kilang ini telah ditangguhkan adalah kerana masalah kewangan yang dihadapi oleh syarikat tersebut. Selain daripada itu keadaan inflasi yang muncul semenjak tahun 1973 telah mengakibatkan kenaikan kos projek ini terutamanya harga alat-alat jentera. Oleh yang demikian, projek ini perlulah dikaji semula untuk memastikan viabilitinya.

Mengenai (b) pula, Kerajaan berpendapat bahawa projek kilang kertas adalah satu projek yang mempunyai potensi dan munafaat yang besar kepada negara. Oleh yang demikian, Kerajaan ingin melihat supaya projek ini dapat diusahakan dengan jayanya.

Mengenai (c), ingin dimaklumkan bahawa mesyuarat yang telah diadakan pada 19-5-1977 membincangkan secara am masalah-masalah yang dihadapi oleh projek kilang kertas tersebut dan bersetuju supaya ianya dikaji dengan lebih mendalam lagi.

**MAJLIS DAERAH**

**2. Tuan Au How Cheong** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) berapa buah Kerajaan Tempatan telah dicantum menjadi Majlis Daerah setakat ini, dan di manakah Majlis-majlis Daerah itu;
- (b) adakah Majlis-majlis Daerah ini berkhidmat dengan lebih berkesan dibandingkan dengan Majlis-majlis Tempatan; dan
- (c) adakah Majlis-majlis Daerah dilengkapkan dengan jentera-jentera, pegawai-pegawai teknik, kewangan dan lain-lain yang lebih baik lagi.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan S. Samy Vellu):**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga hari ini 37 buah Majlis Tempatan di Semenanjung Malaysia telahpun dicantum menjadi 14 buah Majlis Daerah mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976. 4 daripadanya terdapat di Kedah, 2 di Melaka dan 8 di Selangor.

- (b) Adalah terlalu awal buat masa ini untuk mengukur kejayaan Majlis Daerah yang telah disusun semula mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976. Bagaimanapun berdasarkan daripada cara penguasa-penguasa tempatan ini disusun semula adalah ditaksirkan bahawa ianya akan membawa kejayaan dan kekesanan maksima jika dibandingkan dengan keadaan yang terdapat sebelum penyusunan semula dijalankan di mana bilangan penguasa-penguasa tempatan ini terlalu kecil saisinya.
- (c) Mengikut prinsip-prinsip yang digunakan untuk menyusun semula Majlis Daerah-Majlis Daerah peruntukan berupa geran Pelancaran dan Geran Tahunan akan diberi kepada Majlis Daerah yang telah disusun semula untuk membolehkannya mempunyai peralatan yang lengkap, kakitangan-kakitangan yang mencukupi dan kedudukan kewangan yang kukuh dan lain-lain. Setiap langkah akan diambil untuk memastikan bahawa di bawah sistem yang baru ini Majlis Daerah yang telah disusun semula akan dapat bergerak dengan viable dan berkesan.

**Tuan Lee Kaw:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tahu ada banyak Majlis Daerah di Johor tidak boleh menjalankan projek-projek oleh sebab launching grant belum diberi.

**Tuan S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat semua Majlis Daerah yang ada di dalam negeri Johor belum disusun semula. Kita baru berbincang dengan Kerajaan Negeri Johor, saya dapat tahu pada bulan hadapan kita akan susun semula semua Majlis Daerah yang ada di dalam negeri Johor dan Kementerian saya mesti memberi grant-grant yang saya katakan tadi.

### KENDERAAN BERMOTOR TERLALU BANYAK

**3. Tuan Hashim bin Ghazali** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau sedar di dalam bandar-bandar besar di Negara ini

telah penuh sesak dengan kenderaan-kenderaan bermotor sehingga menyulitkan pemandu-pemandu dan susah pula hendak meletak kenderaan; jika sedar, apakah langkah-langkah beliau supaya kesesakan seperti ini dapat dikurangkan.

**Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, adalah disedari bahawa keadaan lalulintas di dalam beberapa bandar-bandar yang besar di Negara ini kian sesak dengan kenderaan-kenderaan. Walau bagaimanapun, pada pendapat Kementerian ini kesesakan yang terdapat masih dalam keadaan yang boleh dikawal oleh kerana kesesakan itu berlaku pada waktu-waktu sebok (peak hours) tertentu sahaja. Di dalam hal ini pihak-pihak berkuasa Perbandaran bolehlah mengambil tindakan bagi mengawal keadaan lalulintas melalui Traffic Management and Control Procedures.

Kementerian ini dari masa kesemasa menjalankan kajian berkenaan dengan lalulintas di bandar-bandar besar yang mana pembaikan dalam sistem yang ada perlu dijalankan. Setakat ini kajian urban transport telah dibuat di Bandaraya Kuala Lumpur yang mana kerja-kerja fizikal sedang berjalan pada masa sekarang. Unit Perancang Jalan di Kementerian saya akan membuat kajian berkenaan dengan urban transport bagi Bandar George Town dan Butterworth tidak berapa lama lagi. Kajian-kajian yang serupa akan dibuat pada masa-masa yang akan datang bagi bandar-bandar yang lain jika keadaan memerlukan.

### PERKHIDMATAN DOKTOR-DOKTOR

**4. Tuan Oo Gin Sun** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau akan mengambil langkah-langkah untuk menyemak keadaan perkhidmatan doktor-doktor atau pegawai-pegawai perubatan di dalam Perkhidmatan Kerajaan untuk menahan pemberhentian pegawai-pegawai perubatan daripada Perkhidmatan Kerajaan dan masuk berkhidmat dengan swasta.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha

menyemak dan memperbaiki keadaan perkhidmatan doktor-doktor di dalam Perkhidmatan Kerajaan. Beberapa langkah-langkah telah diambil untuk memperbaiki keadaan perkhidmatan ini.

Baru-baru ini Doktor-doktor Pelatih telah mendapat dua faedah besar iaitu:

- (a) Tempoh latihan mereka selama satu tahun telah dimasuk kiraan dalam perkhidmatan mereka sebagai Pegawai Perubatan mulai dari 1hb Januari, 1976.
- (b) Doktor-doktor Pelatih sekarang menerima gaji sebanyak \$1,165 sebulan di mana kenaikan sebanyak \$340 lebih daripada elaun yang dibayar kepada Doktor-doktor Pelatih sebelum itu.

Kementerian Kesihatan juga menyediakan bidang-bidang yang luas bagi Pegawai Perubatan untuk mendapatkan kelayakan Ijazah Lanjutan dan mengatur kursus-kursus latihan dan peperiksaan-peperiksaan bagi ijazah lanjutan di dalam negeri bagi disiplin-disiplin yang terbesar dan juga menghantar calon-calon ke luar negeri untuk mengambil latihan pakar-pakar. Selain dari itu pegawai-pegawai perubatan juga dihantar di seberang laut untuk mengambil bahagian dalam Seminar, Conference dan melawat sambil belajar. Banyak lagi kemudahan untuk latihan Ijazah Lanjutan diwujudkan seperti:

- (i) Menambahkan bilangan jawatan Pendaftaran-pendaftar (Registrars).
- (ii) Jawatan-jawatan Pegawai Perubatan dalam latihan.
- (iii) Peluang-peluang untuk latihan lanjutan adalah terdapat di Universiti Malaya.
- (iv) Kemudahan bagi peperiksaan Ijazah Lanjutan Perubatan iaitu Part I bagi M.R.C.P., F.R.C.S. dan M.R.C.O.G.

Kemudahan adalah terdapat di Universiti Malaya bagi Pegawai-pegawai Perubatan mendapatkan kelayakan Ijazah Lanjutan dalam Public Health (M.P.H.) Perubatan Jiwa (M.P.M.) dan kajipenyakit (M.C.P.).

Pegawai-pegawai Perubatan dibolehkan mengambil satu tahun cuti tanpa gaji selepas empat tahun berkhidmat bagi membolehkan mereka mengambil kursus dan peperiksaan Ijazah Lanjutan.

Bilangan jawatan-jawatan Pegawai Perubatan yang mencukupi adalah terdapat bagi menambah bilangan Pegawai Perubatan untuk mengurangkan beban kerja mereka. Pada masa sekarang ada 1,538 jawatan Pegawai Perubatan berbanding dengan 1,080 jawatan pada tahun 1976.

Selain dari itu di beberapa buah negeri tempat-tempat kediaman Kerajaan juga disediakan untuk pegawai-pegawai perubatan.

**Dr Hee Tien Lai:** Soalan tambahan. Saya ingin tahu untuk mengatasi kekurangan perkhidmatan doktor di negara kita, adakah Kementerian berkenaan bercadang supaya employ doktor-doktor pakar atau melantik mereka sebagai doktor perunding kehormat (honorary) kepada hospital-hospital yang ada sekarang dan dari segi doktor biasa adakah Kementerian bercadang menimbangkan supaya melantik mereka sebagai doktor part-time untuk menambahkan (complement) perkhidmatan yang ada sekarang?

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini sedang dikaji oleh pihak Kementerian tetapi kalau dia menjadi "honorary", itu tidak menjadi masalah besar kepada Kementerian dari segi kewangan kerana ianya tidak akan melibatkan kewangan. Walau bagaimanapun, kalau sekiranya kita hendak mengambil doktor-doktor private untuk bekerja dengan pihak Kerajaan dengan gaji-gaji yang tertentu, pihak Kementerian mestilah mengkaji akibat daripada tindakan yang kita ambil itu kerana jika sekiranya kita mengambil doktor-doktor pribet menjadi part-time doctors, kemungkinannya ada kita mengelak doktor-doktor yang bekerja dengan Kerajaan masuk ke pribet dan ini mungkin menimbulkan masalah pula. Begitu juga dari segi medico-legal aspeknya ianya mesti dikaji dengan mendalam.

**Tuan Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan pemberhentian pegawai-pegawai perubatan daripada perkhidmatan Kerajaan ini sedikit sebanyak telah menjejaskan keadaan perkhidmatan hospital di negara kita. Jadi soalan tambahan saya, adakah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar apabila seseorang doktor itu telah keluar daripada hospital Kerajaan dan pihak Kerajaan pula terlalu lambat untuk

menghantar seorang doktor gantinya dan kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri berkehendakkan contoh, saya boleh beri nanti di mana tempatnya.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, kita pun penuh sedar dengan masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini sedia maklum kita di negara ini mempunyai kekurangan doktor yang begitu banyak. Jadi dengan sedaya upaya Kementerian menggantikan doktor yang telah bersara ataupun yang telah ditukar tempat walau bagaimanapun kadangkadangkang terpaksa ianya mengambil masa sedikit.

## PERBADANAN FILEM NASIONAL

**5. Tuan Alias bin Mohd. Ali** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan, apakah kemajuan-kemajuan yang telah dicapai untuk menubuhkan Perbadanan Filem Nasional yang telah diura-urakan itu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan bahawa Kementerian saya sedang menderaf satu Rang Undang-undang bagi menubuhkan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional. Tujuan utama bagi mengadakan perbadanan ini adalah untuk menyelaraskan pembangunan industri perfileman di negara ini iaitu termasuk pengeluaran (production), pengedaran (distribution), dan penayangan filem (exhibition) supaya selaras dengan dasar Kerajaan.

Dalam usaha Kerajaan untuk mencapai matlamat yang saya sebutkan di atas adalah penting Rang Undang-undang ini diteliti dengan mendalam supaya ianya benar-benar akan mencapai matlamat itu supaya tidak menimbulkan sebarang kesan yang negatif terhadap perkembangan perindustrian perfileman pada keseluruhannya. Memandangkan pada hakikat ini, perbincangan-perbincangan dengan jabatan-jabatan Kerajaan dan juga pihak swasta yang berkenaan telah dan akan diadakan sebelum Rang Undang-undang itu dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini kelak.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soal Perbadanan Filem Nasional ini sudah lama diperbincangkan, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan memberi jaminan bahawa Perbadanan Filem Nasional ini boleh ditubuhkan selewat-lewatnya dalam tahun 1979.

**Tuan Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Rang Undang-undang ini telahpun dikemukakan kepada Jemaah Menteri pada awal tahun ini dan oleh kerana ada teguran dan pandangan tertentu daripada Jemaah Menteri, pihak Kementerian terpaksa mengkaji semula deraf Rang Undang-undang ini dan sebagaimana saya katakan tadi, Kementerian sedang mengadakan perbincangan bukan sahaja dengan pihak Kerajaan tetapi juga pihak swasta yang berkenaan. Jadi tidaklah dapat saya memberi jaminan bahawa perbadanan itu akan diwujudkan dalam tahun 1979, tetapi kita akan berusaha dengan sebolehnya supaya ianya ditubuhkan dengan secepat mungkin.

**Tuan Alias bin Mohd. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kiranya beliau sedang memikirkan langkah-langkah sementara bagi mengatasi dan memecahkan monopoli perusahaan filem yang ada dalam negara kita ini sekarang misalnya dengan mengadakan qota impot filem daripada luar negeri bagi menjamin perusahaan filem dalam negeri ini iaitu sebagai langkah sementara sebelum kita mengadakan akta yang tersebut itu.

**Tuan Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, ini boleh ditimbangkan.

## PERSATUAN IBUBAPA/GURU SEKOLAH-SEKOLAH

**6. Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi** minta Menteri Pelajaran menyatakan oleh kerana Persatuan Ibubapa Guru telah ditubuhkan di tiap-tiap sekolah adakah mustahak pula di kekalkan Lembaga Pengurus/Lembaga Pengelola Sekolah, kerana dengan adanya dua badan itu, selalu menimbulkan perselisihan hendak menguasai atau mempengaruhi sekolah, dan ini menyusahkan Guru Besar

bahkan menambah "Tuan-tuannya". Tidakkah Kerajaan berhasrat untuk menghapuskan sahaja Lembaga Pengurus Sekolah/Lembaga Pengelola Sekolah dan menambah kuasa-kuasa pada Persatuan Ibubapa Guru sahaja.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Speaker, Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk menghapuskan Lembaga Pengurus Sekolah/Lembaga Pengelola Sekolah dan menambah kuasa-kuasa pada Persatuan Ibubapa dan Guru-guru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tujuan penubuhan kedua-dua badan tersebut adalah berbeza. Lembaga Pengurus Sekolah/Lembaga Pengelola Sekolah, fungsinya ialah sebagai wakil Kerajaan untuk memastikan perjalanan pentadbiran di sekolah-sekolah bantuan penuh Kerajaan berjalan dengan baik terutamanya dari segi penggunaan wang bantuan Kerajaan kepada murid-murid.

Fungsi Persatuan Ibubapa dan Guru-guru yang diwartakan pada 7hb Jun, 1973 pula ialah sebagai sebuah badan untuk mengeratkan kerjasama di antara guru-guru dengan ibubapa/penjaga murid-murid bagi meningkatkan kemajuan, menambah kemudahan-kemudahan pelajaran dan kebajikan mereka. Persatuan Ibubapa dan Guru-guru tidak diberi kuasa mencampuri urusan pentadbiran sekolah.

Justeru itu, masalah kuasa-menguasai dan menambah "tuan-tuan" di sekloah tidaklah timbul.

## ASKAR WATANIAH

**7. Tuan Umar bin Haji Ismail** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah pihak Kementerian ini sedar bahawa ramai anggota-anggota Askar Wataniah yang bertugas di kawasan sempadan dan di pusat-pusat kawalan penting tidak berpeluang membuang undi dalam Pilihanraya Umum. Nyatakan juga, apakah persediaan yang telah/akan dibuat supaya anggota-anggota tentera wataniah itu dapat menggunakan haknya bagi memilih Kerajaan yang mereka kehendaki.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan (Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar):** Tuan Yang di-Pertua, anggota-anggota Askar Wataniah seperti juga anggota-anggota askar biasa dan rakyat warganegara negara ini yang layak dan cukup umur untuk mengundi, adalah diberi kebebasan mendaftarkan nama masing-masing sebagai pengundi. Kementerian ini memang sedar ada sebilangan kecil anggota-anggota Askar Wataniah yang bertugas di sempadan dan pusat-pusat kawalan penting tidak berpeluang membuang undi di dalam Pilihanraya Umum. Hal ini adalah disebabkan oleh perkara di antaranya:

- (a) Ada di antara anggota-anggota ini tidak mendaftar sebagai pengundi disebabkan semasa mereka dikerah, pendaftaran pengundi-pengundi telahpun ditutup;
- (b) Ada di antara mereka yang telah mendaftar sebagai pengundi di kampung atau tempat masing-masing. Akan tetapi yang menjadi masalah ialah apabila mereka dikerah, tempat bertugas di mana mereka dikerah itu sangatlah jauh dari kampung mereka. Kehadiran mereka untuk kembali ke kampung atau tempat masing-masing untuk mengundi tidaklah dapat diuruskan dengan segera atas sebab-sebab tugas-tugas mereka.

Walau bagaimanapun Kementerian ini ada menyediakan berbagai-bagai kemudahan untuk memberi peluang kepada anggota-anggota ini mendaftar dan mengundi. Tindakan mendaftar sebagai pengundi ada dijalankan bagi mereka yang dikerah sebagai pengundi tidak hadir dalam masa pendaftaran dibuka dan borang berkenaan ada dimajukan kepada mereka dan mereka ini adalah digalakkan untuk mengundi secara pos. Langkah-langkah ini sebenarnya telah dan akan terus dijalankan oleh Kementerian ini bagi menentukan bahawa setiap askar wataniah yang bertugas di sempadan dan juga di pusat-pusat kawalan penting, tidak hilang hak mereka untuk mengundi bagi memilih kerajaan yang mereka sukai sebagaimana juga rakyat yang lain di negara ini.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen yang berkenaan iaitu mengingatkan bahawa askar-askar wataniah yang dikerahkan ini mereka ini kerjanya tidak

lama dan sudah tentu pendaftaran pemilih mereka itu dibuat di kampung masing-masing dan memandangkan juga mereka ini dikerah boleh jadi tidak berapa lama dengan tarikh hari mengundi dan mungkin juga mereka ini tidak begitu arif dengan proses mengundi pos. Saya hendak bertanya adakah pihak Kementerian beliau pada masa-masa akan datang bercadang apabila seseorang askar wataniah itu dikerah maka pihak Kementerianya akan memberitahu ataupun mengambil senarai nama-nama mereka itu untuk diproseskan supaya membolehkan mereka itu mengundi secara pos.

**Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar:**

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi sebenarnya setengah daripada mereka telahpun didaftarkan dan mengundi secara pos melainkan mereka yang dikerah dalam jangka waktu yang singkat. Walau bagaimanapun mereka ini manamana yang ditempatkan di tempat bertugas yang berhampiran dengan kampung mereka, mereka diberi cuti untuk mereka mengundi pada waktu pilihanraya melainkan, sebagaimana yang saya katakan tadi, mereka yang jauh. Walau bagaimanapun, jumlah mereka ini adalah sedikit benar. Langkah-langkah yang tertentu, sebagaimana saya katakan tadi untuk menjamin supaya mereka ini berhak mengundi sebagaimana rakyat biasa telahpun dijalankan dan hasilnya adalah berjalan dengan begitu baik.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:**

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tertarik hati mengenai usaha Kementerian untuk memajukan borang-borang kepada askar-askar wataniah yang bertugas di sempadan mendaftar jadi pengundi. Sukacita saya mendapat penjelasan lebih lanjut sedikit cara-cara Kementerian mengurus memajukan borang-borang ini, sebab saya dapat laporan iaitu orang-orang ini tidak pernah menerima borang-borang yang kononnya Kementerian majukan kepada mereka. Adakah borang ini borang yang didapati daripada Pejabat Pilihanraya. Saya minta penjelasan lebih lanjut sedikit.

**Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar:**

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ada bahagian khas di Kementerian saya yang berhubung rapat dengan Suruhanjaya

Pilihanraya untuk menentukan perkara-perkara yang seumpama ini dan sebagaimana saya katakan tadi, sepanjang ataupun sejauh pengalaman yang telah berjalan, perkara ini berjalan dengan baik kecuali, sebahagian kecil. Mungkin Ahli Yang Berhormat dari Setapak ini berjumpa sebahagian kecil daripada mereka ini, dengan sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan mereka ini tidak dapat diuruskan. Walau bagaimanapun, buat masa akan datang langkah-langkah yang tertentu akan dijalankan untuk memberi peluang kepada mereka supaya dapat mendaftar sebagai pengundi dan juga untuk mengundi.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:**

Mengikut peraturan Pejabat Pilihanraya setelah selesai pendaftaran pengundi dijalankan ada dipamirkan semula nama-nama yang mendaftar. Dan kepada askar-askar wataniah ini bagaimanakah cara mereka hendak menentukan, sebab adakah salinan pameran itu juga dimajukan kepada mereka supaya dapat mereka menentukan nama mereka yang telah didaftarkan itu betul-betul tercatat di dalam senarai pengundi daripada kawasan yang mereka tetapkan.

**Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar:**

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bahagian khas di Kementerian saya berhubung dengan yunit-yunit di mana askar wataniah atau askar-askar biasa bertugas untuk menentukan supaya nama askar-askar yang saya katakan tadi ada dalam daftar mengundi.

## SENJATA MODEN OLEH ANGKATAN TENTERA

**8. Tuan Haji Ampong bin Haji Puyon** minta Menteri Pertahanan menyatakan samada beliau sedar bahawa senjatapi seperti pistol dan senapang serta peluru yang digunakan oleh pasukan keselamatan kita adalah jenis lama dan jika ya, samada beliau bercadang menukarkan senjata-senjata ini dengan yang lebih moden bagi keselamatan pasukan keselamatan kita dalam menentang musuh-musuh negara.

**Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar:**

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dinafikan masih ada lagi sebahagian alat-alat senjata yang digunakan oleh Angkatan Tentera kita yang agak sedikit lama

tetapi masih sesuai dan reliable serta masih boleh digunakan dengan baik. Walau bagaimanapun, jenis senjata ini kian berkurangan kerana Kementerian Pertahanan sentiasa mengkaji akan keperluan-keperluan untuk memodenkan senjata-senjata dan angkatan tentera kita selaras dengan perkembangan teknologi moden samada di dalam dan di luar negeri dan di samping itu adalah diselarasakan dengan kemajuan negara. Dalam hal ini Kementerian Pertahanan adalah menjalankan sistem penukaran berperingkat-peringkat (gradual phasing-out) senjata-senjata yang agak lama. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat Angkatan Tentera kita adalah di antara Angkatan Tentera yang mempunyai alat-alat senjata yang termoden di rantau Asia Tenggara ini.

Adalah sukar untuk membuat perubahan dengan serta merta di dalam masa yang singkat, berdasarkan soal kewangan, masa dan lain-lain faktor. Walaupun begitu angkatan tentera kita sedang menuju ke arah penggunaan senjata-senjata yang moden dan lengkap selaras dengan peredaran masa dan keperluan.

**Tuan Yusof bin Malim Kuning:** Soalan tambahan. Baharu-baharu ini pihak Kementerian Pertahanan telah menceritakan kepada Dewan ini tentang kapal terbang lama, jadi soalan saya berdasarkan kepada soalan asal Pasukan Keselamatan kita adalah menggunakan senjata jenis lama. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan samada jenis lama dengan senjata lama itu ada perbezaan atau tidak, samada Pasukan Keselamatan kita menggunakan senjata jenis lama atau senjata peluru yang lama.

**Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya senjata yang agak sedikit lama, bukan senjata jenis lama, tetapi walau bagaimanapun senjata itu masih lagi baik dan boleh digunakan dan tentulah Ahli Yang Berhormat bersetuju dengan saya tidaklah bererti barang lama itu tidak baik. Kalau barang lama itu dijaga dengan baik, lebih efektif lagi daripada barang baharu.

**Tuan Haji Ikhwan bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Setiausaha Parlimen telah menyatakan bahawa senjata-senjata yang lama itu tidak banyak dan beliau telah menyatakan juga bahawa perkembangan

Angkatan Bersenjata di Malaysia adalah menuju ke arah lebih moden, lebih baik. Bolehkah Setiausaha Parlimen itu menerangkan, kalau sekiranya senjata-senjata lama itu tidak banyak—sedikit—bolehkah Kerajaan menggantikan senjata lama yang sedikit itu supaya ia tidak menjejaskan kemodenan dan kebaikan Angkatan Bersenjata kita?

**Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar:** Ini amalan kita dan telahpun kita jalankan sekarang—sedang dalam proses penggantian.

**Tuan Lee Kaw:** Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan sedar pada masa ini Pasukan Askar di negeri kita memakai banyak jenis senjata rifle seperti Belgium FM. Rifle, SK. Rifle dan M. 16. Bilakah kita boleh standardisekan senjata-senjata kita itu?

**Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, seperti telah saya katakan tadi, kita sekarang dalam proses untuk hendak menggantikan senjata-senjata yang agak lama ini dengan senjata-senjata yang moden, yang baharu dan sophisticated.

**Tuan Shamsuri bin Haji Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam penjelasan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan tadi menyatakan bahawa alat-alat kelengkapan senjata yang digunakan oleh tentera kita adalah yang up-to-date dan paling moden. Saya suka hendak menarik perhatian Yang Berhormat, baharu-baharu ini alat kelengkapan kita sebagai contohnya Kapal terbang Caribou yang digunakan oleh askar-askar kita untuk mengangkut askar-askar kita tadi, telah terpaksa mendarat secara cemas dalam sawah padi. Jadi, setahu saya kapal terbang pengangkut yang dinamakan caribou ini telah berpuluh-puluh tahun umurnya dan ada pendapat askar-askar kita mengatakan kapal terbang ini patut dikondemkan. Adakah benar dakwaan ini dan jika benar, adakah Kerajaan hendak menggantikan kapal terbang pengangkut yang dinamakan Caribou ini dengan kapal terbang pengangkut yang lebih baik seperti Hercules dan lain-lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan asalnya berhubung dengan senjata api seperti pistol dan senapang, kapal terbang ini lain sedikit.

**Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan ini menjelaskan kepada Dewan bahawa satu tarikh tertentu iaitu tarikh akhir menunjukkan tamatnya senjata lama ini hendak digunakan dan pada tarikh itulah bermulanya semua senjata baharu digunakan dalam negara ini.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim):** Tuan Yang di-Pertua, soal senjata dan penjenisannya, kalau sekali pun ada desakan untuk dibaharukan semuanya ini tidaklah prektik, kerana senjata ini masih kekal dalam kegunaan, bukanlah oleh kerana paksaan yang kita mesti menggunakan se. ita lama tetapi adalah kerana jenis daripada segi kesesuaian. Sungguhpun senjata ini adalah senjata jenis lama tetapi dalam keadaan sekarang ini senjata-senjata yang lama ini masih didapati sesuai untuk peranan dan kegunaan yang tertentu seperti mana ditugaskan pada mana-mana pasukan yang berkenaan itu. Jadi, apabila dapat satu jenis senjata yang lain, yang baharu yang sesuai untuk kegunaan yang tertentu itu nanti kelak, baharulah kita akan dapat per-timbangan untuk memperbaharuiinya.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi telah mengakui bahawa masih ada lagi sedikit senjata lama yang dipakai pada hari ini. Saya ingin tahu samada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ataupun Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan iaitu daripada rekod-rekod yang ada di Kementerian beliau adakah setakat hari ini senjata-senjata lama ini membawa kesan-kesan yang negative terhadap kerja-kerja atau operasi Angkatan Tentera kita.

**Dato' Mokhtar bin Haji Hashim:** Tidak ada.

**Tuan Lee Kaw:** Tuan Yang di-Pertua, adakah SK Rifle ini tidak sesuai dipakai oleh askar-askar kita?

**Dato' Mokhtar bin Haji Hashim:** Ini tidak benar. Seperti yang saya sebutkan tadi kegunaan senjata ini terpulang kepada apakah pasukan yang menggunakannya. Jadi, tidaklah benar kalau dikatakan bahawa senjata rifle jenis SK ini tidak sesuai.

## MURID-MURID DALAM SATU KELAS—JUMLAH

**9. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar tentang keramaian murid-murid bagi satu kelas seramai 55 orang bagi sekolah-sekolah luar bandar adalah satu sebab menjadikan kelemahan pelajaran dan murid-murid luar bandar tamat pengajian sekolah rendahnya tanpa boleh menulis dan membaca.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Speaker, ya. Saya sedar kesesakan murid-murid dalam bilik darjah mungkin merupakan satu faktor yang menyebabkan kelemahan pelajaran sekolah-sekolah di luar bandar.

Di samping itu terdapat juga lain-lain faktor umpamanya sosio-ekonomi dan pengaruh alam sekitar yang terdapat di luar bandar juga. Dari masa ke semasa Kerajaan Barisan Nasional sentiasa memperbaiki taraf sosio-ekonomi luar bandar bagi mengatasi masalah ini. Di samping itu Kerajaan juga telah dan akan menambah kemudahan-kemudahan pelajaran di luar bandar seperti bilik-bilik darjah, perabut dan sebagainya. Dari segi penempatan guru pula adalah menjadi dasar Kementerian Pelajaran bagi menempatkan seberapa ramai yang boleh guru-guru berkelayakan di luar bandar.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Timbalan Menteri yang berkenaan tadi menyatakan Kerajaan sedar bahawa salah satu kelemahan yang timbul itu adalah disebabkan ramai murid-murid dalam sebuah darjah. Perkara ini dalam ingatan saya ada pihak kesatuan guru-guru dan pihak-pihak yang berkenaan dengan pelajaran men-cadangkan supaya bilangan murid-murid dalam sebuah darjah itu terutama dari darjah rendah, di sekolah rendah hendaklah maksimumnya 40 orang, adakah cadangan ini akan dipertimbangan oleh Kerajaan dan kalau ditimbang bilakah akan dilaksanakan.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Speaker, cadangan ini sudah beberapa lama dalam perbincangan dan juga rundingan-rundingan di antara pegawai-pegawai kanan dalam Kementerian Pelajaran. Jadi, oleh kerana ini ada berkaitan dengan menambahkan bilik

darjah dan juga berkehendakkan lebih tenaga mengajar, jadi oleh sebab dua faktor yang besar, ini kita barangkali kena mengambil masa. Walau bagaimanapun cadangan ini sudah menerima perhatian yang berat oleh Kementerian Pelajaran.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa ada terdapat di kawasan luar bandar sekolah-sekolah di mana pelajar-pelajar sehingga 55 orang pelajar di sekolah-sekolah, adakah keadaan ini juga terdapat na di kawasan luar bandar ataupun di kawasan di dalam bandar juga.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Speaker, di dalam bandar kesesakan ini lebih ketara. Jadi, oleh sebab itu kita sudah jalankan rancangan kita, kita berharaplah ibubapa seka'ian khususnya di dalam bandar janganlah memilih sangat sekolah-sekolah yang mereka berkehendakkan. Jika sekolah-sekolah itu berdekatan dengan rumah kediaman mereka itu tidak mencukupi tempat, kita berharaplah mereka boleh bersabar menerima tempat murid-murid atau anak-anak mereka kepada yang jauh sedikit. Perkara ini tentulah sudah dapat perhatian oleh Kementerian Pelajaran dan kita akan berusaha sedaya upaya supaya kesesakan ini boleh dapat dikurangkan mengikut rancangan yang tertentu oleh Kementerian Pelajaran.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi dalam ucapan Timbalan Menteri ada menyebutkan masalah penempatan guru-guru yang berkelayakan ditempatkan di luar bandar, saya tidak menafikan. Soalan saya ialah saya hendak mengetahui mengenai dasar Kementerian samada Kementerian sedar ataupun tidak ada ketikanya apabila Kementerian menghantar guru-guru ini keluar bandar, kadang-kadang guru-guru itu terpaksa ataupun mengajar di satu sekolah itu memakan masa sampai 8 tahun, 10 tahun tidak ada harapan untuk bertukar ke tempat lain, kerana ramai mereka ini merungut segala apa yang mereka minta itu tidak mendapat layanan daripada Kementerian ataupun Pejabat Pelajaran Negeri. Jadi

tidakkah Kementerian mempunyai satu dasar tertentu bagi penempatan guru-guru yang dihantar ke luar bandar? Tolong jelaskan.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Speaker, perkara ini kita pun bagi pihak Kementerian Pelajaran selalu menghadapi perkara ini, tetapi walau bagaimanapun kita sudah menetapkan satu dasar pertukaran guru-guru dan ini tentulah akan dapat dilaksanakan mengikut kebijaksanaan.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyebut bahawa di antara faktor yang menyebabkan murid-murid di luar bandar mundur ialah kerana alam sekitar. Saya fikir luar bandar lebih baik sebagai tempat untuk belajar sebab tidak ada pinball, dan tidak ada panggung wayang. Barangkali ada faktor lain yang menyebabkan murid-murid luar bandar mundur, misalnya guru-guru walaupun yang layak dihantar ke luar bandar tetapi masih the best of the teachers duduk di dalam bandar juga. Yang di luar bandar itu walaupun berkelayakan tetapi tidak sebaik yang terdapat di dalam bandar. Apakah ini salah satu daripada faktor menyebabkan kemunduran itu?

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Speaker, tidak dapat dinafikan barangkali masa dahulu ada keadaan macam ini, tetapi sekarang kita sudah tegas dengan langkah kita supaya kita mesti mengalih-alikan guru-guru yang berkelayakan dari bandar keluar bandar dan dari luar bandar balik ke bandar. Dengan langkah-langkah ini, barangkali keseimbangan guru-guru berkelayakan dan berpengalaman boleh dapat ditempatkan di bandar dan di luar bandar.

**Tuan Hashim bin Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan ada rancangan Kementerian beliau mengenai guru-guru yang berkelayakan daripada bandar keluar bandar dan daripada luar bandar ke dalam bandar, berapa lamakah seseorang guru yang ditetapkan daripada bandar pergi keluar bandar dan daripada luar bandar balik ke dalam bandar, berapa lama masanya?

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Speaker, garis panduan ini barangkali saya tidak dapat umumkan dalam Dewan ini tetapi

walau bagaimanapun Kementerian saya ada satu garis panduan supaya guru-guru yang sudah berkhidmat beberapa tahun di luar bandar kenalah diambil balik ke bandar. Jadi untuk pentadbiran Kementerian, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat boleh sabar dalam perkara ini.

**Wan Zainab binti M. A. Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, adakah sebab ramainya murid-murid itu di dalam sebuah bilik darjah menyebabkan tidak boleh mereka itu menulis dan membaca atau tidak cekapnya guru-guru itu mengajar?

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuba ulang sekali lagi, Yang Berhormat.

**Wan Zainab binti M. A. Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya adakah sebab ramainya murid-murid itu sebagaimana disebutkan tadi 55 orang dalam sebuah bilik darjah yang menyebabkan murid-murid itu tidak dapat menulis dan membaca atau tidak cekapnya guru-guru itu mengajar?

**Dato' Chan Siang Sun:** Ini tidak berapa betul. Kita telah beri jaminan bahawa guru-guru kita yang dihantar keluar bandar tentulah melalui maktab-maktab yang ada pengalaman mengajar dan juga boleh dikatakan the best yang kita hantar (*Ketawa*).

**Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, masalah tidak cukup bilik darjah dan juga kekurangan guru-guru bukan masalah yang timbul sekarang sahaja. Masalah ini sudah timbul beberapa tahun dan bolehkah Timbalan Menteri Pelajaran memberitahu kepada Dewan ini, berapa lama lagi sebelum masalah ini boleh diatasi?

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Speaker, bila kita hidup di dalam dunia ini, bila masa ada manusia, ada pelajaran, jadi pelajaran ialah satu benda yang berkembang, bila berkembang juga ada masalah. Walau bagaimanapun kita cubalah sedaya upaya supaya masalah murid-murid dapat diatasi.

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sama ada Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa terdapat setengah-setengah sekolah di bandar hanya ada satu bilik darjah sahaja dan semua

murid-murid dari Darjah I hingga VI diajar dalam bilik darjah itu. Dan jika sedar, apakah langkah akan diambil untuk mengatasi masalah ini?

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Speaker, jikalau ada sebuah sekolah cuma ada satu bilik darjah jadikan satu sekolah, barangkali saya ingat bilangan ini sangat kecil. Jikalau ada kes semacam itu, barangkali ada faktor-faktor yang lain, tetapi jika ini ada satu kes yang sebenar dan jikalau tidak ada berkaitan dengan faktor-faktor yang lain, saya kira jika ada kes specific, semacam itu tentulah saya akan ambil perhatian untuk mengatasi perkara itu.

**Tuan Hashim bin Endut:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada penerangan yang diberi oleh Timbalan Menteri tadi nampaknya Kementerian ini sedang menyusun hendak tukar guru-guru daripada dalam bandar keluar bandar dan daripada luar bandar ke bandar. Adakah Kementerian tersebut sedar oleh kerana hubungan guru-guru itu dengan pegawai-pegawai di Jabatan Pelajaran terlalu erat, kemungkinan mereka yang duduk di bandar mengajar lebih daripada 15 tahun tidak ditukar ke luar bandar. Kalau ada, apakah tindakan Kementerian tersebut?

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Speaker, saya patutlah menafikan kenyataan itu bahawa oleh kerana guru-guru yang ada hubungan yang erat dengan pegawai-pegawai kanan Kementerian jadi tidak dapat ditukar. Kadang-kadang Ahli-ahli Yang Berhormat juga ada datang buat rayuan bagi pihak guru-guru di bandar bila ada peluang ditukar keluar bandar. Jadi saya boleh beri jaminan iaitu kita tentulah akan jalankan rancangan kita dengan tegas dan saya berharaplah jikalau ada kes-kes seperti itu mula-mula lagi Ahli-ahli Yang Bernormat jangan buat rayuan bagi pihak mereka supaya kita jangan timbulkan perkara ini dan bersama-sama kita berharap pelajaran di luar bandar dapat ditinggikan pada masa akan datang.

**Tuan Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran sedar tentang jauhnya perbezaan kemajuan di antara murid-murid dalam

bandar dengan luar bandar? Tadi telah diterangkan sebab-sebabnya, salah satu daripada sebabnya ialah kekurangan kelengkapan dan sebagainya dan adakah Timbalan Menteri sedar pada satu masa pernah Kementerian Pelajaran menghantar talivisyen untuk sekolah-sekolah luar bandar ini tanpa diberi generator sehingga talivisyen itu tidak dapat digunakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa soalan tambahannya?

**Tuan Yusof bin Malim Kuning:** Soalnya, adakah Timbalan Menteri sedar atau tidak?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tidak sedar, cakap sahajalah tidak sedar (*Ketawa*).

**Dato' Chan Siang Sun:** Tidak sedar.

**Dr Hee Tien Lai:** Soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada pihak Kementerian berkenaan adakah satu dasar tetap atas pembekalan darjah (classroom) kepada semua sekolah. Saya bertanya perkara ini oleh kerana saya tahu sebagai wakil rakyat apabila pihak sekolah memohon untuk mendapatkan bilik darjah, kadang-kadang pembekalan ini diberi satu bilik atau dua bilik, short. Seumpamanya pihak sekolah memohon 10 bilik darjah tetapi pihak Kementerian hanya beri 8 bilik atau 9 bilik. Kekurangan satu atau dua bilik ini menjadi masalah. Adakah dasar tetap untuk pembekalan bilik-bilik darjah?

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Speaker, berkenaan dengan permohonan untuk menambah bilik darjah tiap-tiap sekolah biasanya atau lazimnya sekolah itu tentulah memohon lebih. Pihak Kementerian kita tentulah ada ukuran berapa bilik darjah tambahan untuk sekolah itu. Selepas menapis dengan teliti permohonan-permohonan itu baru lah dibuat keputusan. Jikalau sekolah itu berkehendak bilik darjah tambahan selain daripada apa yang dikehendaki oleh sekolah itu, barangkali ini tidak adil oleh kerana sekolah-sekolah yang lain juga berkehendakkan bilik-bilik darjah tambahan. Ini satu dasar Kementerian Pelajaran menetapkan kalau sekolah-sekolah itu sudah mencukupi bilik darjah tambahan, kita berharap berilah peluang kepada sekolah-sekolah lain yang berkehendakan bilik darjah tambahan.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masalah yang dihadapi oleh kita ialah kesesakan kelas akibat daripada ketiadaan tempat. Saya sedar masalah ini sebagaimana yang telah saya alami. Tetapi masalah yang masih juga wujud seperti di luar-luar bandar ialah terdapat sekolah-sekolah rendah yang mempunyai dua atau 3 kelas yang dijaga oleh seorang Guru Besar yang juga menjadi Guru Besar di samping mengajar. Adakah tindakan khas ataupun langkah-langkah khas akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

**Dato' Chan Siang Sun:** Apa yang saya katakan tadi, Tuan Speaker, keadaan semacam itu tentulah ada, barangkali sekolah-sekolah yang ada kes "specific" macam itu bolehlah disampaikan kepada Kementerian dan kita akan cuba mengatasi masalah itu.

**Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri Pelajaran sedar terdapat sesebuah sekolah di luar bandar yang mana kelemahan pelajarannya dari semua faktor yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri tadi seperti sosio ekonominya rendah, pengaruh alam sekitarnya, guru-guru tidak cukup hingga 55 orang murid dalam satu kelas dan bilik darjah tidak cukup. Adakah terdapat sekolah demikian dalam negara kita?

**Dato' Chan Siang Sun:** Tidak dengar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila ulangkan lagi sekali.

**Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Adakah Timbalan Menteri sedar terdapat sesebuah sekolah di luar bandar yang mana kelemahan pelajarannya dari semua faktor yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri tadi iaitu sosio ekonominya rendah, pengaruh alam sekelilingnya, guru-guru tidak cukup, bilik darjah tidak cukup dan sebagainya?

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Speaker, itu memang ada disebutkan di dalam jawapan pokok saya tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oleh sebab itulah soalan tambahannya makin panjang.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Soalan tambahan. Selain daripada apa yang dijawab oleh Timbalan Menteri yang berkenaan tadi adakah Kementerian yang berkenaan sedar salah satu membawa kelemahan kepada murid-murid ia'ah satu, kerana terlampau banyak aktiviti luar khasnya sukan yang terlampau lebih. Yang kedua, disebabkan diberi pelajaran kepada murid-murid yang sepatutnya mengikut had misalnya seperti pelajaran yang tidak dikaji dengan mendalam sampai tidak disiasat dengan kebolehan budak-budak. Kalau sedar di atas dua perkara ini apakah langkah yang Kerajaan akan diambil?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila ulang perkataan yang hujung atau akhir itu, saya pun tidak faham (*Ketawa*).

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Yang kedua kerana pemberian pelajaran kepada murid-murid itu terlampau deras dengan tidak membuat pengkajian sama ada murid itu dapat ataupun tidak dapat.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Speaker, sebelum kita semua keliru, saya jawab soalan yang pertama dulu.

Sukan maju untuk negara (*Ketawa*). Dalam sebuah sekolah, kalau kita tidak ada sukan atau permainan barangkali boleh dikatakan "all studies and no play make Jack a dull boy". Jadi di dalam kurikulum sekolah kita, kita mesti'ah cantum dengan aktiviti-aktiviti luar bilik darjah seperti sukan dan lain-lain aktiviti supaya murid-murid kita mempunyai otak yang waras dan badan pun sihat, macam sayalah (*Ketawa*).

Ini boleh melahirkan satu jenerasi yang berdisiplin, sihat dan juga berdedikasi. Ini saya ingat satu langkah yang baik pada masa sekarang mengikut kurikulum sekolah kita.

Yang kedua, berkenaan dengan terlampau banyak pengajaran mata-mata pelajaran dan diajarkan dengan deras (*speedy*) maka kerana itu kanak-kanak barangkali tidak dapat maju di dalam pelajaran. Pada fikiran saya barangkali soal ini tidak dapat diterima oleh Kementerian Pelajaran oleh kerana seperti apa yang saya sudah jawab beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini iaitu mengikut sukatan pelajaran kita, subject yang diajar

di sekolah-sekolah kita khasnya sekolah rendah boleh dikatakan melibatkan semua aspek—3M iaitu Mengira, Membaca dan Menulis. Selain daripada itu kita pun ada mengajar dari peringkat awal lagi daripada sekarang supaya kita dapat memberi satu landasan yang sangat kukuh untuk murid-murid dan anak-anak kita supaya apabila melangkah ke peringkat menengah mereka boleh dapat satu landasan yang kukuh dan boleh menghadapi apa-apa cabaran di peringkat menengah.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa makin rendah kadar guru dengan penuntut (*teacher student ratio*) adalah lebih baik peluang-peluang bagi seorang anak-anak itu belajar. Saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri Pelajaran, adakah pihak Kementerian beliau membuat kajian-kajian yang tertentu untuk jangka masa panjang berdasarkan kepada pendaftaran murid-murid yang dibuat 4 atau 5 tahun sebelum murid-murid ini masuk ke sekolah dan juga berpandukan kepada perkembangan penduduk (*population expansion*) yang kita dapati dalam negara ini.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, ini sudah ada.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:** Kerana murid yang terlalu ramai dalam satu-satu kelas tentulah melemahkan pelajaran murid-murid dan masalah yang timbul sekarang ialah masalah murid yang terlampau ramai dalam tiap-tiap kelas itu. Mengikut hemat saya ialah berekoran dengan suatu pekeliling Kementerian Pelajaran Bilangan 3/67 mengenai keramaian murid di tiap-tiap satu darjah dan juga bilangan guru tiap-tiap satu darjah. Apakah pekeliling yang sudah berjalan selama 11 tahun sehingga sekarang ini akan dikaji semula?

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita baru sahaja berbincang mengenai perkara ini dan barangkali tidak berapa lama lagi kita akan membuat satu langkah supaya apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi boleh dapat disempurnakan.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri

ada membangkitkan soal sukan di sekolah-sekolah. Saya suka bertanya soalan tambahan berkenaan dengan sukan, iaitu pada hari ini kebanyakan sekolah-sekolah kurang kelengkapan dan keperluan dan kemudahan-kemudahan sukan, malah saya menyatakan bahawa tekanan kepada sukan amat kurang—low priority. Oleh sebab itu kemungkinan sekarang sekolah-sekolah kita mengeluarkan murid-murid dan penuntut-penuntut di mana peribadi (character) mereka tidak seimbang, tidak rounded personality. Saya khuatir kalau aliran ini tidak diawasi, mungkin sekolah-sekolah kita sebahagian daripadanya akan mengeluarkan mad scientist sahaja seperti Dr Sivana yang berlawan dengan Captain Marvel dan Superman.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, pandangan ini sangat baik dan saya akan pertimbangkan.

**Tuan Hashim bin Endut:** Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh tertarik hati daripada jawapan Timbalan Menteri tadi di atas pertanyaan tambahan yang ditimbulkan oleh sahabat saya daripada Kangar, dan beliau berkata sukan itu boleh menjamin kesihatan macam beliau sendiri, begi'u gemok dan sebagainya. Adakah Timbalan Menteri boleh menjamin bahawa semua orang gemok itu boleh sihat (*Ketawa*).

**Dato' Chan Siang Sun:** Saya sendiri sihat, tetapi orang lain saya tidak tahu, oleh kerana saya bukan doktor (*Ketawa*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.34 ptg.

**Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn):** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mengemukakan satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan, dan juga untuk membuat peruntukan-peruntukan tertentu bagi menguatkuasakan Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan "United Kingdom of Great Britain and Northern

Ireland", berhubung dengan pencen dan lain-lain perkara yang berkenaan dengannya, untuk dibacakan bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang ada di hadapan Dewan yang mulia pada hari ini, mengandungi cadangan-cadangan pindaan kepada peruntukan-peruntukan 4 Perkara sahaja, iaitu:

Pertama:

Perkara 45 mengenai Keanggotaan Dewan Negara;

Kedua:

Perkara 135 (2) berhubung dengan Sekatan mengenai pembuangan kerja (dismissal) dan penurunan pangkat (reduction in rank) Pegawai Perkhidmatan Awam;

Ketiga:

2 Perkara 141A mengenai Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran; dan

Keempat:

Perkara 149 (1) berkaitan dengan Undang-undang menentang perbuatan subversif.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 2 dalam Rang Undang-undang ini mencadangkan 3 pindaan kepada Perkara 45, iaitu:

- (a) memberi kuasa kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melantik dua (2) orang menjadi Ahli Dewan Negara bagi mewakili Wilayah Persekutuan;
- (b) menambah bilangan Ahli Dewan Negara yang dilantik menjadi 40 orang; dan
- (c) mengurangkan tempoh jawatan ahli-ahli Dewan Negara daripada 6 tahun menjadi 3 tahun.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan iaitu tiap-tiap Dewan Undangan Negeri memilih dua orang wakil untuk menganggotai Dewan Negara. Oleh kerana Wilayah Persekutuan belum mempunyai wakil dalam Dewan Negara, maka Kerajaan berpendapat bahawa adalah mustahak kekurangan ini diperbetulkan.

Pada masa ini, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong boleh melantik sejumlah 32 orang

Ahli Dewan Negara dari kalangan tokoh-tokoh yang telah berbuat jasa cemerlang dalam Perkhidmatan Awam, atau yang telah mencapai kepujian dalam bidang profesyen, perdagangan, perusahaan, pertanian, kegiatan kebudayaan atau perkhidmatan masyarakat, selain dari tokoh-tokoh yang boleh mewakili kaum-kaum yang kecil bilangannya atau yang mempunyai kebolehan mewakili kepentingan orang-orang asli.

Jumlah Ahli-ahli Dewan Negara yang dilantik, iaitu seramai 32 orang, telah ditetapkan dalam tahun 1964, iaitu 14 tahun yang lalu. Sejak itu negara kita telah mengalami kemajuan dan perubahan dalam cara hidupnya yang membawa masuk bidang-bidang kepentingan yang lebih moden. Dalam bidang profesyen, misalnya, negara telah mempunyai pakar-pakar yang tidak wujud 10 tahun dahulu. Memandangkan bahawa warganegara kita telah meneroka bidang-bidang kehidupan yang baru dengan kepentingan-kepentingan tertentu, adalah difikirkan wajar perkhidmatan golongan-golongan baru ini diberi peluang menyertai Parlimen, dalam membantu membentuk dasar negara dan membuat undang-undang. Pendek kata, Kerajaan berpendapat bahawa peruntukan perlulah diadakan bagi membolehkan perwakilan yang lebih luas dalam Dewan Negara. Oleh yang demikian, Kerajaan mencadangkan supaya bilangan Ahli Dewan Negara yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung, mengikut Perkara 45 (1) (b) Perlembagaan Persekutuan, ditambah sebanyak lapan (8) orang lagi, menjadikan jumlah anggota kesemuanya kepada 40 orang.

Kerajaan juga mencadangkan supaya tempoh perkhidmatan seseorang Ahli Dewan Negara yang dilantik dan dipilih dikurangkan daripada 6 tahun menjadi 3 tahun. Walau bagaimanapun, perubahan ini akan hanya berkuatkuasa bagi perlantikan-perlantikan dan pemilihan yang dibuat selepas Rang Undang-undang ini dikuatkuasakan. Ahli-ahli Dewan Negara yang sedang berkhidmat akan meneruskan perkhidmatan masing-masing selama 6 tahun, kecuali mereka itu meletakkan jawatan atau hilang kelayakannya.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3 dalam Rang Undang-undang ini meminda Perkara 135 (2), Perlembagaan Persekutuan. Tujuan pindaan dengan ringkasnya telah dihuraikan di dalam

Rang Undang-undang itu untuk menghapuskan apa-apa keraguan tentang hak-hak seseorang Anggota Perkhidmatan Awam dan seterusnya. Tujuan Kerajaan meminda Perkara 135 (2) Perlembagaan Persekutuan ialah bagi mengukuhkan keperluan Peruntukan 44, Perintah Am (General Orders) Bab "D" 1969, supaya peluang untuk didengar tidak perlu diberi kepada kes penamatan kerja demi kepentingan awam bagi pegawai-pegawai perkhidmatan awam. Penamatan kerja demi kepentingan awam ini bukanlah merupakan satu hukuman tata-tertib seperti pembuangan kerja, kerana pegawai yang berkenaan boleh dibayar pencen mengikut Ordinan Pencen, 1951 berdasarkan kepada tempoh perkhidmatan dan gaji paling akhir diterimanya sebelum disarakan. Sebaliknya bagi kes pembuangan kerja, faedah ini tidak diberikan sama sekali.

Peluang untuk didengar seperti yang disyaratkan oleh Perkara 135 (2) Perlembagaan Persekutuan itu masih lagi diberi bagi kes-kes tata-tertib yang lain yang melibatkan hukuman-hukuman seperti amaran, celaan, denda, melucut hak gaji, menahan kenaikan gaji, memberhentikan kenaikan gaji, menangguhkan kenaikan gaji, menurunkan gaji, menurunkan pangkat dan membuang kerja.

Apabila seseorang pegawai Kerajaan melanggar tata-tertib misalnya kerana engkar perintah, rasuah dan sebagainya, Perintah Am Bab "D" 1969 mengandungi perbekalan dan cara-cara mengambil tindakan tata-tertib ke atas mereka, serta juga hukuman-hukuman yang sesuai yang patut dikenakan. Ada kalanya pelanggaran tata-tertib itu jelas telah berlaku, tetapi tindakan tata-tertib tidak begitu mudah diambil.

Misalnya seorang pegawai di sebuah Jabatan, telah berjaya mengumpulkan harta lebih setengah juta ringgit dalam masa yang singkat, ataupun seorang pegawai telah mengumpulkan wang tunai yang banyak dalam bank, menunjukkan mereka itu telah melakukan rasuah. Sungguhpun faktor seperti ini jelas membuktikannya, tetapi ada kalanya Pihak Berkuasa Tata-tertib mendapati amat sukar mengambil tindakan untuk membuang kerja pegawai yang dituduh.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Begitu juga oleh kerana hendak mengelakkan punca maklumat umum disebabkan keselamatan negara atau keselamatan saksi itu sendiri, bukti-bukti yang jelas tidak dapat dikemukakan di mahkamah, menyebabkan kes tindakan jenayah ke atas pegawai Kerajaan itu gagal. Dalam hal yang demikian, Kerajaan terpaksa meneruskan perkhidmatan pegawai itu, sungguhpun jelas ianya telah membocorkan rahsia Kerajaan ataupun telah menjalankan kegiatan lain yang membahayakan kepada keselamatan negara. Dalam kes-kes seperti ini, ada kalanya lebih sesuai menggunakan Peruntukan 44, Perintah Am Bab "D", 1969 daripada peraturan peruntukan yang lain.

Dengan menggunakan Perintah ini perkhidmatan mereka itu ditamatkan dan mereka dibayar pencen yang mereka telah layak menerima mengikut gaji dan tempoh perkhidmatan.

Perintah ini juga dianggap perlu digunakan di mana seseorang pegawai itu tidak lagi berminat dan kurang bersemangat menjalankan tugas dan kewajibannya dengan memuaskan, tetapi masih belum mencapai umur untuk bersara. Misalnya, ia masih berumur antara 40 hingga 49 tahun. Pegawai ini tidak menjalankan tugas dengan memuaskan, dan tidak pula sanggup berhenti dari perkhidmatan. Pegawai seperti ini, jika terus berkhidmat, akan menjadi tauladan buruk kepada pegawai-pegawai lain, lebih-lebih lagi sekiranya pegawai itu seorang pegawai kanan.

Begitulah juga dalam satu kes, misalnya, seorang pegawai yang sungguhpun pandai menjalankan tugas tetapi tidak begitu berminat untuk terus berkhidmat dengan Kerajaan. Tumpuan hati dan minatnya adalah lebih berat kepada perniagaan. Bagi pegawai yang masih muda, tidak sukar baginya untuk meletakkan jawatan, tetapi bagi pegawai dalam lingkungan umur dari 40 hingga 45 tahun, mereka mungkin sayangkan hak pencen dan terus berkhidmat dengan tujuan bersara apabila mencapai umur 50 tahun. Tambahan pula sekarang ini, seorang pegawai yang mula berkhidmat pada umur 20 tahun akan mencapai kelayakan pencen penuh iaitu setengah daripada gaji, apabila mencapai umur 45 tahun. Pegawai-pegawai

seperti ini akan mengamalkan apa yang dikatakan sebagai "mark time" sehingga meningkat umur 50 tahun untuk mendapat faedah persaraan penuh.

Mereka ini bukan sahaja menjadi tauladan buruk kepada mereka yang lain kerana tidak menjalankan tugas dengan sempurna, tetapi menjadi lepih buruk sekiranya ia menggunakan kemudahan-kemudahan dan alat-alat pejabat kerana rancangan perniagaan persendirian mereka yang telah meletakkan sebelah kakinya dalam lapangan perniagaan persendirian ataupun dengan perkongsian. Oleh sebab-sebab seperti inilah bekalan Peruntukan 44, Perintah Am Bab "D" 1969 masih diperlukan demi kepentingan disiplin dalam Perkhidmatan Kerajaan dan juga demi kepentingan keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa pindaan kepada Perkara 135 (2) ini akan menimbulkan berbagai prasangka dari pihak-pihak yang tertentu bahawa hak seseorang pegawai awam itu hendak disekat. Tetapi ini bukanlah tujuan dan hasrat Kerajaan yang sebenarnya. Sebagai Kerajaan berjiwa rakyat, Kerajaan memerlukan perkhidmatan pegawai-pegawai awam yang cekap, dedikasi dan berdisiplin. Pegawai-pegawai yang tidak cekap dan yang tidak jujur, lebih-lebih lagi mereka yang diraguragukan kesetiannya terhadap Kerajaan dan negara, tidak memberi sebarang faedah dan tidak bermenfaat kepada Kerajaan yang dikehendaki berkhidmat kepada rakyat jelata.

Pindaan yang dicadangkan ini bukanlah bermakna bahawa Kerajaan hendak menggunakan kuasa ini sewenang-wenangnya, tetapi ialah bertujuan bagi menjamin ketuhanan perkhidmatan awam seluruhnya. Sehingga ini hanya seramai 96 orang pegawai-pegawai awam sahaja yang telah ditamatkan perkhidmatan mereka dengan menggunakan Peruntukan 44, Perintah Am Bab "D" 1969. Angka ini adalah sangat kecil jika dibandingkan dengan jumlah bilangan seramai lebih kurang 500 ribu orang kakitangan awam dalam semua perkhidmatan. Ini jelas membuktikan bahawa Kerajaan sentiasa berhati-hati dalam menggunakan peruntukan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah menegakkan di sini bahawa pindaan Perkara 135 (2) Perlembagaan adalah perlu bagi mengatasi kekurangan dalam undang-undang yang telah berbangkit akibat keputusan Privy Council mengenai kes rayuan Mahan Singh. Yang dituduh ini telah ditamatkan perkhidmatan atas kepentingan awam di bawah kuatkuasa Peruntukan 44, Perintah Am Bab "D" 1969 dan dengan dibayar faedah pencen kurang sebanyak 10 peratus, mengikut kuatkuasa keperluan Ordinan Pencen Tahun 1951.

Mengikut pandangan Privy Council, bayaran faedah pencen yang kurang yang diberi kepada yang dituduh, merupakan satu hukuman yang dikenakan di atas sebab-sebab kesalahan. Dengan yang demikian, penamatan perkhidmatan atas kepentingan awam yang telah dikenakan kepada yang dituduh ditakrifkan sebagai pembuangan kerja. Oleh itu, mengikut pandangan Privy Council, yang dituduh patut diberi peluang untuk didengar sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 135 (2) Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan Kerajaan menamatkan perkhidmatan atas kepentingan awam terhadap yang dituduh di bawah kuatkuasa Peruntukan 44, Perintah Am Bab "D" 1969 bukanlah sebenarnya bertujuan pembuangan kerja. Oleh kerana pandangan Privy Council mengtakrifkan bahawa penamatan perkhidmatan atas kepentingan awam yang dikenakan kepada Mahan Singh adalah sama dengan tindakan pembuangan kerja, dan ia patutlah diberi peluang didengar, maka Perkara 135 (2) Perlembagaan Persekutuan, mestilah dipinda. Dengan jalan ini kes-kes penamatan perkhidmatan atas kepentingan awam yang diambil tindakan oleh Kerajaan di bawah mana-mana undang-undang atau di bawah mana-mana peraturan yang dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 132 (2), penamatan itu tidaklah bermakna buang kerja.

Oleh kerana terdapat beberapa kes yang serupa dengan kes Mahan Singh, yang telah diambil tindakan oleh Kerajaan di masa-masa yang lampau dan supaya hendak mengelakkan pengtakrifan yang sama dengan kes Mahan Singh, maka pindaan kepada Perkara 135 (2), Perlembagaan terpaksa dikuatkuasakan mulai dari Hari Merdeka.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 4 dalam Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Perkara 141A Perlembagaan Persekutuan dengan mengadakan peruntukan bagi perlantikan seorang Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Sejak terubuhnya Suruhanjaya itu dalam bulan Januari, 1974 adalah didapati bahawa tugas dan tanggungjawabnya telah bertambah. Di samping menajankan temuduga-temuduga di Semenanjung ahli-ahli Suruhanjaya juga menjalankan temuduga di Sabah dan di Sarawak, termasuk di bandar-bandar yang terpencil di kedua-dua negeri itu. Dalam keadaan sedemikian maka Pengerusi Suruhanjaya tersebut memikul tanggungjawab yang bertambah. Oleh itu adalah difikirkan patut bagi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran diperuntukkan dengan seorang Timbalan Pengerusi supaya dapat membantu Pengerusinya.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 5, Rang Undang-undang ini mengemukakan pindaan kepada Perkara 149, iaitu mengenai undang-undang menentang perbuatan subversif. Pihak Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu undang-undang tetap bagi menggantikan Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah), 1969. Undang-undang yang dicadangkan ini perlu diwujudkan di bawah Perkara 149, Perlembagaan, bagi maksud mengatasi masalah-masalah seperti penyalahgunaan dan pengedaran dadah serta kegiatan-kegiatan kongsi gelap.

Mungkin perlu dinyatakan bahawa Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah), 1969 itu, telah dibentuk berikutan dari kejadian 13 Mei dengan menggunakan kuasa-kuasa darurat yang diberikan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 150, Perlembagaan. Ordinan yang diperbuat di bawah Perkara 150 ini adalah sementara dan hanya berkuatkuasa selama tempoh darurat itu sahaja. Ordinan ini tidak boleh dijadikan suatu Akta tetap kerana beberapa peruntukan-peruntukannya bertentangan dengan beberapa peruntukan dalam Perlembagaan.

Pada masa ini Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah), 1969 digunakan bagi maksud mencegah perbuatan-perbuatan yang memudaratkan ketenteraman awam, serta kegiatan jenayah

yang melibatkan kekerasan, dengan menahan atau menyekat orang-orang yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan tersebut. Kumpulan-kumpulan orang yang ditahan atau disekat di bawah Ordinan tersebut termasuklah pengedar-pengedar dadah dan ahli-ahli kongsi gelap. Tindakan diambil terhadap mereka ini hanya jika bukti-bukti bagi menuduh mereka di Mahkamah tidak dapat diperolehi, sungguhpun kegiatan-kegiatan mereka cukup jelas. Penggunaan kuasa-kuasa di bawah Ordinan ini amatlah berkesan, kerana ia telah dapat mengawal atau mengurangkan kegiatan-kegiatan pengedaran dadah dan jenayah-jenayah kongsi gelap.

Sebagaimana termaklum, aktiviti pengedaran dadah memberikan keuntungan yang amat sangat lumayan. Adalah didapati amat sukar bagi menghadapkan pengedar-pengedar itu di Mahkamah dan mensabitkan kesalahan-kesalahan mereka, melainkan jika mereka ditangkap semasa memiliki dadah. Oleh itu tiada jalan lain yang dapat diambil terhadap mereka melainkan dengan menggunakan kuasa tahanan pencegahan. Begitulah juga halnya dengan kegiatan-kegiatan kongsi gelap yang telah wujud sejak bertahun-tahun lamanya. Mangsa-mangsa kongsi gelap ini, seperti mereka yang di peras ugut atau dipukul, didapati amat takut hendak memberi keterangan-keterangan di Mahkamah, kerana kemungkinan tindakan balas dari ahli-ahli kongsi gelap yang lain. Kerajaan sedar bahawa masalah dadah dan kongsi gelap ini tidak dapat diselesaikan dalam tempoh yang singkat. Sungguhpun Kerajaan terpaksa mengambil tindakan-tindakan tahanan pencegahan (preventive detention) sebagai satu langkah bagi mengatasi masalah ini, langkah-langkah jangka panjang yang lebih berkesan adalah juga dijalankan oleh Kerajaan. Bagi penagih-penagih dadah, misalnya, Kerajaan telahpun menubuhkan pusat-pusat pemulihan bagi mereka.

Peruntukan dalam Perkara 149, Perlembagaan sekarang ini tidak cukup luas bagi mengadakan undang-undang yang bertujuan bagi mengambil sebarang tindakan terhadap orang-orang yang melakukan perbuatan yang memudaratkan ketenteraman awam, seperti pengedaran dan penyalahgunaan dadah serta kegiatan-kegiatan kongsi gelap. Di samping itu adalah juga difikirkan perlu supaya kuasa diberikan kepada Parlimen

untuk mengadakan undang-undang di bawah Perkara 149 bagi tujuan mencegah perbuatan yang memudaratkan pemeliharaan dan perjalanan mana-mana bekalan atau perkhidmatan. Ini termasuklah kegiatan-kegiatan menyeludup dan kegiatan lain yang akan menyusahkan orang ramai dari mendapatkan bekalan atau perkhidmatan itu.

Bagi maksud mencapai tujuan tersebut, Perkara 149 (1) perlu dipinda dengan mengganti perenggan (e) dengan yang baru dan dengan memasukkan perenggan (f) baru, seperti yang terdapat dalam Rang Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 6 dalam Rang Undang-undang ini bertujuan membebaskan Kerajaan Malaysia daripada bertanggungjawab mengenai penguasaan, pentadbiran dan pembayaran pencen terhadap pesara-pesara dagang British yang tertentu sempena dengan pelaksanaan Perjanjian "The Malaysia-United Kingdom (Transfer of Liabilities) Agreement, 1977".

Perjanjian ini telahpun diadakan untuk melaksanakan persetujuan Kerajaan Malaysia bagi menyerah segala tanggungjawab mengenai perkara pencen untuk pesara-pesara dagang British yang telah menjadi tanggungan Kerajaan Malaysia selama ini, kepada Kerajaan British berikutan dari persetujuan Kerajaan British sendiri, untuk mengambilalih tanggungjawab tersebut, demi kepentingan warganegara mereka yang pernah berkhidmat di Malaysia pada suatu ketika dahulu. Dalam melaksanakan Perjanjian ini, adalah perlu bagi Kerajaan Malaysia menunaikan persetujuannya, yang di antara lain ialah, untuk mengadakan peruntukan undang-undang supaya apabila Perjanjian itu mulai berkuatkuasa, Kerajaan Malaysia akan berhenti daripada bertanggungjawab mengenai perkara pencen pesara-pesara dagang British, kerana tanggungjawab ini diambilalih oleh Kerajaan British, dan juga supaya Kerajaan Malaysia tidak akan tertakluk kepada apa-apa guaman mahkamah di atas apa-apa jua perkara yang berhubung dengannya. Dengan Akta yang dicadangkan ini, maka undang-undang berhubung dengan pencen yang berkuatkuasa sebelum sahaja tarikh pelaksanaan Perjanjian itu, akan terhenti dipakai kepada pesara-pesara berkenaan, dan pencen mereka itu akan dibayar mengikut Jadual kepada Akta yang dicadangkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan Perkara 147 dan 180 Perlembagaan sekarang ini, Kerajaan Malaysia akan terus terpaksa mengadakan pertalian serta perhubungan dengan pesara-pesara dagang British yang berkenaan itu. Mengikut peruntukan sekarang ini, sebarang perubahan pencen yang akan dibuat oleh Kerajaan Malaysia atau apa-apa keputusan mengenai pencen untuk pesara-pesara Kerajaan Malaysia, akan juga melibatkan pesara-pesara dagang British, sekalipun penguasaan, pentadbiran dan pembayarannya telah diambil alih oleh Kerajaan British. Juga Kerajaan Malaysia akan terlibat mengikut Peruntukan yang ada, akibat dari mana-mana tuntutan yang berhasil dari tindakan mahkamah yang diambil oleh pesara-pesara dagang British itu, sekalipun mereka membuat tuntutan selepas tarikh pengambilalihan oleh Kerajaan British. Dengan terlaksananya Akta yang dicadangkan ini, maka peruntukan Perkara 147 dan 180 Perlembagaan Persekutuan yang mengenai penguasaan, pentadbiran dan pembayaran pesara-pesara dagang British, tidak lagi berkuatkuaasa. Inilah tujuan Perjanjian yang telah diadakan di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan British itu. Oleh itu, jikalau tidak diadakan undang-undang yang boleh memutuskan sama sekali perhubungan Kerajaan Malaysia dengan pesara-pesara dagang British yang diambil alih oleh Kerajaan British itu, usaha pengambilalihan ini adalah menjadi sia-sia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini, bahawa cadangan pindaan-pindaan yang dikemukakan ini, telah dikaji dan diteliti dengan halus oleh Kerajaan. Cadangan pindaan-pindaan kepada Perkara 149 khususnya, telah dikaji selama setahun lebih. Berdasarkan pengalaman kita dalam menghadapi keadaan negara serta untuk menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan yang dilalui oleh negara, cadangan pindaan-pindaan ini mustahak dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. (*Tepuk*)

**Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato Lee San Choon):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput dulu Ahli Yang Berhormat dari Ayer Hitam.

4.14 ptg.

**Dr Hee Tien Lai (Ayer Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong sepenuhnya Akta Perlembagaan (Pindaan), 1978.

Tuan Yang di-Pertua, kita adalah sedar bahawa sistem Parlimen yang kita ada iaitu Dua Dewan (2 Chambers or 2 Tiers) adalah sangat perlu oleh sebab-sebab, yang pertama, parti Pembangkang dalam Dewan Rakyat adalah sangat kecil dan sangat lemah dan juga pada fikiran saya, kurang membina, dan yang kedua, melalui Dewan Negara kita dapat sumbangan yang lebih matang daripada pemimpin-pemimpin kita yang lebih senior dan juga melalui Dewan Negara, saya fikir, kita boleh menentukan satu sistem demokrasi yang boleh dikatakan "foolproof democracy"—kalau tidak 100%, kurang-kurang 90% foolproof democracy—oleh kerana kadang-kadang perkara-perkara penting yang melepaskan perhatian oleh Dewan Rakyat boleh diberi kajian semula yang lebih mendalamnya melalui Dewan Negara. Tuan Yang di-Pertua, semenjak pertubuhan Kerajaan Barisan Nasional, Senator-senator kita adalah lebih forthright dan critical. Pencapaian mereka boleh dilihat oleh kita sendiri.

Kalau tidak silap saya, pada persidangan Parlimen dua tahun dahulu, parti DAP telah menuduh bahawa Dewan Negara hanya adalah "rubber stamp" untuk Dewan Rakyat. Saya fikir tuduhan ini adalah sangat cruel, tidak patut dan tidak adil. Kita tahu pada masa sekarang, Senator-senator kita memang berkesan untuk membuat undang-undang dan legislation yang kita ada sekarang. Saya telah dengar daripada beberapa orang Menteri dan Timbalan Menteri bahawa perbahasan dalam Dewan Negara adalah lebih "panas" kalau dibandingkan dengan perbahasan dalam Dewan Rakyat. Inipun adalah satu tanda yang baik. Di sini saya tidak hendak mengecilkan rakan-rakan saya dalam Dewan Rakyat ini, tetapi saya fikir anggota-anggota Senator kita patutlah memainkan peranan yang lebih positif oleh kerana di Dewan Rakyat ini adalah satu sistem yang mana parti pembangkang tidak berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara yang saya ingin menarik perhatian kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang pertama, kita tahu Dewan Negara kita telah digunakan sebagai launching pad untuk pemimpin-pemimpin politik potential. Ini memang adalah satu cara yang baik yang kita patut meneruskan. Tetapi saya haraplah Dewan Negara tidak akan menjadi satu political asylum, atau satu convenient way-out, untuk setengah-setengah politicians. Perkara yang kedua ialah oleh kerana Malaysia adalah sebuah negara Persekutuan atau Federation, memanglah kita memperuntukkan supaya Kerajaan-kerajaan Negeri dapat menghantar wakil-wakil mereka ke Dewan Negara untuk menyuarakan masalah-masalah untuk kepentingan negeri masing-masing. Malangnya, menurut kajian yang boleh dipercayai, kebanyakan Senator daripada negeri-negeri tidak memainkan peranan yang dijangkakan. Oleh kerana itu saya mengharapkan bahawa Senator-senator yang dilantik oleh negeri-negeri akan memainkan peranan yang dijangka daripada mereka. Dan juga saya fikir Senator-senator juga boleh memainkan peranan yang lebih penting dan lebih positif oleh kerana sebagai Ahli-ahli Parlimen yang bertanggungjawab kepada pengundi-pengundi kita. Kita ada perkara-perkara yang kita berasa sukar untuk menyuarakan dalam Dewan Rakyat. Tetapi Senator-senator yang tidak mewakili kawasan atau pengundi-pengundi, adalah lebih kebebasan untuk menyuarakan perkara-perkara yang pihak Ahli Parlimen memang berasa sukar menyuarakan dalam Dewan Rakyat.

Mungkinlah perkara-perkara yang dibangkitkan di dalam-dalam Negara oleh Yang Berhormat Senator kita mungkin mengeciwakan perasaan rakyat jelata tetapi mereka tidak perlu menjawabnya tetapi kita Ahli-ahli Parlimen memanglah bergantung kepada rakyat untuk mengundi kita sebagai wakil mereka di Parlimen. Oleh kerana itu saya mengharapkan melalui Dewan Negara kita dapatlah lebih banyak perkara-perkara yang dapat dibahaskan yang lebih ikhlas dan lebih berkesan.

Satu perkara yang saya ingin bercakap—perkara akhir iaitu Dewan Negara memang mengambil sedikit sangat inisiatif dalam

perbuatan undang-undang dan sebagainya, walaupun Dewan Negara adalah berkuasa untuk membuat undang-undang selain daripada undang-undang kewangan tetapi nampaknya pihak Dewan Negara kurang mengambil inisiatif dari segi ini, dan saya fikir oleh kerana di Dewan Negara adalah orang-orang yang distinguish bolehlah melalui mereka ini memainkan peranan yang lebih positif supaya membersihkan imej yang telah dirosakkan oleh parti DAP pada dua tahun dahulu.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar.

4.22 ptg.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar (Kota Setar):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya bercakap, berbahas berhubung dengan Rang Undang-undang meminda Perlembagaan Persekutuan dan juga untuk membuat peruntukan-peruntukan tertentu bagi menguatkuasakan Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland berhubung dengan pencen dan lain-lain perkara yang berkenaan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bercakap lebih lanjut dalam pindaan-pindaan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas Perlembagaan kita pada hari ini, saya ingin menarik perhatian Dewan ini berhubung dengan Fasal 2 Perkara 45 Perlembagaan adalah dipinda:

(a) dengan memasukkan selepas sahaja Fasal (1) (a) yang berikut—

“(aa) dua orang ahli bagi Wilayah Persekutuan hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.”

Saya melihat dan mengkaji dengan sehalus-halusnya Perlembagaan yang ada di tangan saya ini; satunya bahasa Inggeris dan satu lagi Bahasa Malaysia, Bahasa Malaysia ini diterbitkan 1-6-1970 dan bahasa Inggeris 1-5-1977. Dalam pendapat saya Parlimen yang bersidang pada hari ini tidak ada hak dan tidak ada kuasa untuk membahas dan meminda Perkara 45 Perlembagaan yang kita bahaskan hari ini.

Perkara 45: (4) (c) mengatakan:

(c) mengurangkan bilangan ahli-ahli dilantik atau menghapuskan ahli-ahli yang dilantik.”

Perkara 45 (4) Parlimen boleh dengan undang-undang—

“45 (4) (a) menambah bilangan ahli-ahli yang akan dipilih pada tiap-tiap satu negeri hingga 3 orang;

(b) membuat peruntukan supaya ahli-ahli yang akan dipilih bagi tiap-tiap satu negeri dipilih dengan undi terus oleh pemilih-pemilih negeri itu;

(c) mengurangkan bilangan ahli-ahli yang dilantik atau menghapuskan ahli-ahli yang dilantik.”

Rang Undang-undang Fasal 2 ini tidak sah selagi tidak dipinda Perkara 45 4 (c) Perlembagaan. Apabila dipinda Perkara 4 (c) maka pindaan berhubung dengan bilangan ahli itu baharu sah, kalau tidak, tidak sah. Bermakna Parlimen yang bersidang pada hari ini tidak berkuasa untuk menambah ahli-ahli yang dilantik, sebab Perlembagaan tidak ada memberi kuasa kepada Parlimen pada hari ini. Oleh kerana itu, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adakah perkara ini sengaja atau tersilap teknikkah ataupun tersilap apa, sebab saya tidak mahu bahawa Parlimen pada hari ini membahaskan perkara yang tidak ada kuasa kita membahaskannya. Itu pendapat saya, pendapat lawyer saya tidak tahu, saya bukan lawyer; saya sebagai seorang ahli politik yang saya faham itulah dia. Hendak dikata baharu pinda tidak dipinda, sebab ini adalah yang baru. Jadi, kalau pendapat saya begitu, saya faham dan saya fikir pendapat saya itu betul maka tidak perlu saya hendak membahaskan, hendak bercakap Perkara 45 ini. Saya tidak mahu bahawa saya terikut-ikut dengan perkara yang tidak betul kepada Perlembagaan, saya tidak mahu hendak memperkosakan Perlembagaan kita sendiri yang kita anggapkan adalah buat sementara ini menjadi satu panduan bagi negara kita.

Dalam masalah lain, Tuan Yang di-Pertua, kalaulah apa yang saya cakapkan ini berlainan, maknanya pindaan ini sah dari segi undang-undang ataupun dari segi Perlembagaan, saya tidak bercakap dan kalau ada

benda yang saya hendak bercakap itulah dia sedikit kalau sah tetapi bagi pendapat saya ianya tidak sah—tidak boleh dibahaskan Perkara 45 ini.

Pindaan ini akan memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk melantik 2 orang Senator daripada Wilayah Persekutuan dan yang keduanya untuk menambahkan bilangan daripada 32 menjadi 40, sedangkan yang kita tahu negeri-negeri lain diperuntukkan 2 orang satu negeri yang dipilih oleh Dewan Negeri. Kalau kita fikir Ahli-ahli Dewan Negara nanti mengandungi 26 ahli yang dipilih dan 40 ahli yang dilantik. Kita ini bermegah-megah dengan demokrasi. Demokrasi ini bererti suara orang ramai, jadi kalau Ahli-ahli ini dilantik bererti suara orang sedikit. Demokrasi cara apakah ini, Tuan Yang di-Pertua? Semakin hari semakin kita bermegah-megah dengan demokrasi, kita tinggalkan perjalanan demokrasi. Mungkin inilah itu untuk memberikan kesempatan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun parti Barisan Nasional untuk memberikan saguhati kepada penyokong-penyokong kuat, parti-parti yang bersusah payah di bawah, lebih-lebih lagi yang 6 tahun itu hendak dijadikan kepada 3 tahun. Banyaklah boleh dibahagi-bahagikan habuan untuk hidup buat sementara waktu ataupun selama-lamanya kita tidak tahu. Jadi 3 tahun dilantik kawan ini, habis 3 tahun lantik pula kawan yang lain, baguslah cara itu. Tetapi kadang-kadang kalau kita fikirkan cara pembahagian rezeki itu betul, cuma cara untuk membetulkan pentadbiran negara ini yang saya rasa tidak begitu betul, sebab kalau 6 tahun lama sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Orang yang menjadi Ahli selama 6 tahun dia boleh bercakap ataupun bawa idea-idea yang menentang Kerajaan sendiri dengan mengatakan: Aku apa peduli, aku ada 6 tahun. Jadi dia ada satu benda yang membawakan dia untuk membetulkan perjalanan Kerajaan, dia boleh bercakap dalam Dewan Negara. Kalau lantikan 3 tahun jangan hendak menentang Kerajaan, apabila habis tempoh tidak akan disambung lagi.

Dalam Fasal 5 hendak mengadakan undang-undang tetapi, ini saya sokong, sebab masalah dadah, masalah pembunuhan dan bermacam-macam masalah. Ini mesti diserahkan betul-betul, kalau tidak lingkup kita, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi dalam pada itupun dasar Kerajaan sudah lama, sudah

banyak sangat buat undang-undang seperti undang-undang bawa dadah, hukum bunuh dan mahkamah pun telah menjatuhkan hukuman bunuh tetapi tidak dibunuh. Ini masalahnya. Jenayah-jenayah ini kalau tidak silap saya Botak Chin sampai hari inipun masih ada lagi. Hukuman bunuh sudah dijatuhkan hampir 4 tahun dahulu, bila hendak dibunuh pun tidak tahu. Ini tidak berkesan nampaknya. Kalau hendak buat undang-undang sahaja, kita luluskan di Dewan Rakyat ini, lulus undang-undang—bunuh tetapi tidak juga dibunuh. Orang yang tidak bercakap hendak bunuh pun, dia bunuh. Kerajaan jiran kita sudah menguatkuasakan hukuman bunuh, tetapi cakap besar, bertindak tidak berani.

Saya rasa itu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua, sebab banyak lagi kawan-kawan hendak bercakap dan saya fikir itulah yang pentingnya bagi saya menyampaikan kepada Dewan ini. Saya ulangkan sekali lagi bagi pendapat saya Bab 45 Parlimen tidak berhak dan tidak berkuasa membahaskannya, oleh kerana kita memperkosa peruntukan Perlembagaan, Perlembagaan tidak beri hak kepada kita untuk menambahkan, melainkan selepas daripada dipinda Fasal 45.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Damansara.

4.37 ptg.

**Tuan V. David (Damansara):** Tuan Yang di-Pertua, ini satu penyakit Barisan Nasional—pindaan demi pindaan di Dewan Rakyat. Mengikut kebiasaan di negeri-negeri lain, kalau Kerajaan bawa satu pindaan atas Perlembagaan negara, mesti ada melantik satu jawatankuasa yang menyiasat untuk mendapatkan opinion dari rakyat samada pindaan itu boleh berjaya, maju atau dianggap adil dalam negara. Tetapi di sini biasanya bila Kerajaan mahu bawa pindaan, dia hendak bawa pindaan atas Constitution.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini yang pertama Rang Undang-undang untuk menambah 8 Senator di Dewan Negara. Prinsip parti DAP adalah membangkang, sebab kita fikirkan Senator cuma mahu dipilih seperti Ahli-ahli Dewan Rakyat dipilih biasanya selama 5 tahun sekali. Tambahan 8 Senator itu tidak ada satu reason ataupun rational sebab apa hendak ditambah.

Wilayah Persekutuan baru mengadakan pilihanraya umum ada memilih 5 orang wakil di Dewan Rakyat iaitu 3 orang dari parti Pembangkang dan 2 orang dari Barisan Nasional. Mengikut keadilan jika hendak melantik 2 orang Senator lagi, mestilah dilantik oleh 3 orang wakil yang telah dipilih itu, bukan Kerajaan Barisan Nasional, sebab ia minority dalam Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan Senator ini seperti wakil dari PAS tadi memberitahu di negeri-negeri lain Senator . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat itu bukan dari PAS tetapi dari Kota Setar.

**Tuan V. David:** Kota Setar. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Kena pilih melalui pilihanraya bukan Kerajaan yang melantik Senator. Di sini kita nampak siapa yang tidak dipilih di dalam pilihanraya, sesiapa peniaga besar yang beri bantuan kepada Barisan Nasional dia dapat satu hadiah, duduk di dalam Senate. Kriteria itu kita tidak boleh terima. Prinsip melantik Senator mesti dihapuskan. Tidak berapa lama dahulu ada juga seorang wakil dari Barisan Nasional berkata supaya hapuskan Senate dan pilihlah Senator melalui pilihanraya. Parti Pembangkang sokong pendapat itu kalau kita mahu tambah Senator hendaklah dipilih.

Yang kedua, ada juga satu pindaan yang mustahak atas Perkara 135 (2) Perlembagaan. Pindaan ini telah membawa satu contoh kes Encik Mahan Singh pada 22hb Jun, 1978 di Privy Council. Kes itu sudah lama mengenai pegawai yang kena buang kerja pada tahun 1969 apabila Kerajaan menggantung Parlimen, semasa NOC memerintah. Kalau pegawai atau kakitangan Kerajaan kena buang kerja, dia tidak boleh merayu. Apabila boleh kena buang dengan tidak tentu fasal dan tidak boleh buat rayuan, kita boleh minta dalam Dewan ini supaya hapuskan masyarakat adil.

Lagi satu kesalahan besar yang kita buat ialah retrospective iaitu kuatkuasa pindaan

undang-undang ini berjalan mulai 31hb Ogos, 1957. Rang Undang-undang ini berbunyi:

“Provided further that for the purpose of this Article, where the service of a member of such a service is terminated in the public interest under any law for the time being in force or under any regulation made by the Yang di-Pertuan Agong under Article 132 (2), such termination or service shall not constitute dismissal whether or not the decision to terminate the service is connected with the misconduct of or unsatisfactory performance of duty by such member in relation to his office or the consequences or the termination involved an element of punishment; and this proviso shall be deemed to have been an integral part of this Article as from Merdeka Day.”

Tuan Yang di-Pertua, kalau Kerajaan boleh bawa undang-undang bertarikh 31hb Ogos, 1957 iaitu Hari Merdeka, kita tidak boleh percaya lagi kerana pada masa akan datang semua Rang Undang-undang yang Kerajaan bawa di Dewan ini dan diterima, boleh juga dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, kami dari parti DAP membangkang pindaan ini kerana ada 127 orang pegawai Kerajaan yang dibuang kerja pada tahun 1969. Kes Encik Mahan Singh adalah sebagai satu contoh yang serupa dengan kes-kes 126 orang pegawai-pegawai yang lain itu. Kerajaan takut memberi saguehati yang banyak dan dengan sebab itu membawa pindaan ke atas Perlembagaan kita. Ini tidak boleh kita katakan masyarakat adil. Deklarasi Kerajaan mengatakan “Masyarakat Adil” di tanahair kita, tetapi kalau Kerajaan menghapuskan jiwa 127 orang pegawai-pegawai yang telah suffer dan pajakkan nyawanya di dalam kerja untuk mengimplimentasikan projek dan program, kita tidak boleh katakan adil lagi. Apa boleh jadi kepada 126 orang yang sudah menunggu lama seperti kes Encik Mahan Singh. Kes Encik Mahan Singh sudah diselesaikan di Privy Council dan Kerajaan mesti memberi saguehati kepada 126 orang itu, kalau tidak, kita sendiri yang menghapuskan keadilan di negara kita.

Sebab apa Kerajaan tidak membawa pindaan ke atas Perlembagaan sebelum kes Encik Mahan Singh diselesaikan di Mahkamah atau Privy Council. Kerajaan tunggu

sampai sekarang, bila sudah tahu Kerajaan terpaksa membayar saguehati yang banyak, Kerajaan takut dan membawa satu pindaan macam ini. Saya hormat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana ini bukan salah beliau tetapi adalah pegawai-pegawai ataupun penasihat-penasihat lain yang telah “misguiding” Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kerana Perdana Menteri kita selalu menerima konsep yang adil.

Saya membuat rayuan kepada Kerajaan, saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tolonglah hantar pindaan ini kepada satu jawatankuasa kecil supaya boleh disiasat dan Study “the pros and cons” kerana ini boleh mendatangkan far-reaching effect kepada pegawai-pegawai Kerajaan, kalau kita menerima pindaan ini. Pindaan ini boleh merosakkan perkhidmatan awam dalam negara kita. Kita selalu dapati apabila orang pergi keluar negeri ataupun dalam negeri mengatakan, “perkhidmatan awam negara kita adalah bebas”. Kebebasan itu akan hilang kalau kita menerima pindaan ini.

Apabila Kerajaan Inggeris memberi kemerdekaan kepada Malaya ia ada melepaskan satu civil service yang bebas. Kalau kita menerima cadangan pindaan ini, kita akan kehilangan konsep civil service yang bebas di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sesiapa yang percaya dan menerima konsep masyarakat adil tidak boleh menerima pindaan ini.

Ada juga dalam Privy Council setelah ditamatkan hukuman, Hakim Besar berkata:

(*Dengan izin*): “*prime facie*, the Yang di Pertuan Agong and during the Emergency, the Director of Operations under his delegated powers, can terminate the employment of any public servant without notice and at any time he pleases. But this right is subject to the express provision of the Constitution contained in Article 135 (2) where a public servant may not be dismissed without being given a reasonable opportunity of being heard.”

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita membuang seorang pegawai, kalau kita tidak beri opportunity kepadanya untuk membela diri, ini boleh dikatakan dosa yang masyarakat

(civilised community) kita tidak boleh terima. Kita hendaklah mengikut convensi International Labour Organisation (ILO) yang menyatakan, "No person shall be dismissed without valid reasons." Ini soal validity. Apa kesalahan yang dibuat oleh pegawai itu adalah satu perkara yang mana pegawai yang berkenaan itu mesti diberi chance untuk menjawab; kalau tidak, apakah difference di antara dictatorship dengan democracy? Saya fikir pindaan ini adalah premature. Pindaan ini patutlah disiasat dalam satu Jawatankuasa Khas di mana Kesatuan-kesatuan boleh juga memberi pendapat dan fikiran mereka. Pada hari ini, kalau kita ada membaca suratkhbar, CUEPACS, Badan Kesatuan-kesatuan Se-kerja, membangkang pindaan ini. Oleh kerana Kerajaan ada majority di sini suara seorang pekerja atau Badan Kesatuan Se-kerja tidak dapat didengar.

Tuan Yang di-Pertua, saya tegaskan sekali lagi bahawa kita tidak boleh menerima pindaan ini dan saya cadangkan supaya Bill ini dihantar kepada sebuah Jawatankuasa Khas (Select Committee).

Tapi apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengemukakan Rang Undang-undang, beliau ada mengatakan mengenai perniagaan dadah. Siang-malam kita ceritakan perkara dadah, tetapi apakah tindakan yang kita ambil? Saya nampak dalam tiap-tiap bandar, misalnya di Petaling Jaya terdapat ramai budak-budak menghisap dadah, apabila kita telefon Polis suruh datang, tidak jauh lebih kurang 200 ela Polis menangkap mereka semua, dikosongkan koceknya, diambil wang dan dadahnya, kemudian dilepaskan. Jadi kita tidak tahu siapa yang menjual dadah itu samada Polis atau orang lain. Perkara ini berlaku tiap-tiap hari siang dan malam. Kita mahu mencegah (control) dadah, kita mahu pegawai-pegawai yang mempunyai dedikasi dan disiplin, ini termasuk orang-orang yang menjaga undang-undang negara kita iaitu (the guardians of the law), kalau tidak keadaan boleh jadi rosak.

Dadah bukan kita nampak di dalam hutan tetapi dalam bandar, siang-malam budak-budak, pemuda-pemudi, kanak-kanak ada yang membeli, dan menukar dadah di dalam bandar seperti di stesyen bas dan sebagainya, tetapi kita tidak mengambil tindakan yang keras. Saya minta Kerajaan

membawa satu Rang Undang-undang iaitu siapa yang menjual dadah hendaklah dihukum gantung (capital punishment). Drug pushers atau sesiapa yang ditangkap oleh pihak Kerajaan samada Polis atau Kastam tidak boleh membuat rayuan iaitu yang conclusive ialah death sentence. Kalau dalam keadaan begini kita boleh bawa satu akta baru barangkali racun ini boleh hilang dalam masyarakat kita. Drug pushers dan sesiapa yang berniaga dadah telah merosakkan jenerasi baru sebab ada chain reaction, kanak-kanak boleh lari daripada keluarga, tidak duduk di dalam rumah dan tidur di mana-mana mereka suka di kakilima. Ini adalah disebabkan Kerajaan tidak boleh implementasi dengan betul sebarang undang-undang yang ada. Kita selalu bercerita tetapi kita tidak bertindak dan memberi disiplin kepada pegawai-pegawai kita.

Saya menyokong penuh mengenai perkara dedikasi dan saya juga menyokong Kerajaan hendak menghapuskan rasuah, tetapi bukan rasuah dalam bas, apabila kondaktor ambil 5 sen. Itu rasuah juga tetapi bukan rasuah besar. Kalau kita melawat ke Jalan Duta, Pantai Hill ada terdapat rumah-rumah yang berharga \$1 juta, \$2 juta dan \$3 juta. Kalau seorang pegawai tinggi mendapat gaji \$3,000 atau \$5,000 sebulan dan rumahnya berharga \$2 juta, bagaimanakah dia boleh mampu? Ini tidak lain ialah kerana rasuah, kalau Kerajaan dan N.B.I. boleh siasat macam mana orang ini boleh dapat harta yang macam itu kita boleh mendapat jawapannya ialah melalui rasuah. Kita boleh nampak keadaannya seperti ikan besar makan ikan kecil, ikan besar tidak kena tangkap, tetapi ikan kecil yang kena tangkap. Orang yang nafasnya bersih sampai bawahpun boleh bersih, kalau seorang pegawai boleh bawa Mercedes 280, rumahnya berharga \$2 juta dan barang-barang dalam rumah itu dengan mempunyai tempat cuci tangan dan paip-paip air sampai 8 atau 10, banyak membazirkan air sahaja. Kalau orang itu berbelanja lebih kurang \$15,000 sebulan kita boleh siasat dengan sebuah badan yang diberikuasa delegasi oleh Kerajaan seperti N.B.I. Kita mahu N.B.I. bebas, boleh menyiasat dan kita boleh mendapat jawapan mengenai rasuah dan siapa yang menerima rasuah iaitu kita boleh tahu originnya. Sekarang kita hanya menangkap

orang yang menerima rasuah \$5-\$10 sahaja tetapi orang besar atau ikan besar tidak ditangkap, ini juga kita mesti jaga.

Kami dari parti DAP boleh bekerjasama dengan Kerajaan untuk mencegah rasuah, jika seseorang itu mempunyai pangkat yang besar dia tidak boleh ingat yang dia boleh menerima rasuah dan lari daripada undang-undang. Influence atau pangkat tidak boleh jadi satu kriteria boleh mengambil rasuah, disiplin dan kebersihan di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan adalah mustahak sekiranya negara ini mahu bergerak dan hidup di masa akan datang.

Perkara ini kita boleh congratulate kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri oleh sebab konsep dan fikirannya hendak menghapuskan rasuah tetapi semua sektor dalam Kerajaan ataupun sektor swasta hendaklah bekerjasama, koordinasi, barulah soal rasuah boleh hapus dalam negara kita.

Saya tidak mahu berucap panjang, sebab ada juga lain-lain Ahli Yang Berhormat hendak berucap tetapi perkara pindaan perkhidmatan (service amendment) kepada Perlembagaan kita saya minta lagi sekali kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hantar perkara ini kepada Jawatankuasa Kecil minta kepada kesatuan-kesatuan dan pekerja-pekerja atau pegawai-pegawai Kerajaan macam mana fikiran mereka kalau kita bawa soal ini hari ini diluluskan, bolehlah dikatakan "the death of the civil service" yang menghapuskan kebebasan perkhidmatan dalam negara kita. Kita selalu bangga dengan civil service kita yang bebas hari ini boleh hilang pride kita dalam negara kita.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Balik Pulau.

5.02 ptg.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau):** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih dan saya juga turut mengambil peluang di sini menyokong dan membahaskan Akta Perlembagaan (Pindaan) 1978.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memberi pendapat dan pandangan saya terhadap pindaan ini yang pertama sekali saya rasa hairan dengan telatah dua orang rakan kita dalam Parlimen ini, iaitu dari pihak Pembangkang yang pertama dari Kota Setar tadi

yang mengatakan Dewan Rakyat ini tidak mempunyai hak untuk meminda Undang-undang. Saya tidak faham dan tidak mengerti seorang Ahli Dewan Rakyat yang begitu lama dalam Dewan ini mengatakan Dewan ini tidak ada kuasa dan tidak ada hak untuk meminda, untuk membuat Undang-undang. Barangkali Ahli Yang Berhormat itu tidak tahu apa erti Dewan Rakyat dan tidak tahu tugas-tugas dan fungsi-fungsi Dewan Rakyat. Maka itulah boleh keluar perkataan-perkataan bahawa Dewan ini tidak berhak membuat Undang-undang atau meminda. Saya sangat berharap sup ya Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar tadi membaca balik Perlembagaan kita itu hati-hati dengan teliti dan dalam Perlembagaan itu mengatakan bahawa Dewan inilah yang berhak, Dewan inilah yang paling tinggi yang boleh membuat Undang-undang, bukannya sahaja membuat Undang-undang, boleh meminda, boleh menambah atau menurangkan apa-apa Undang-undang yang kita fikir tidak perlu dan tidak sesuai dan kalau kita fikir Undang-undang kita ini masih ada kelemahannya, kita boleh menambah. Inilah tugas Dewan Rakyat yang sebenarnya.

Yang kedua, saya suka memberikan pandangan saya terhadap Ahli Yang Berhormat dari Damansara. Pada mulanya beliau mengatakan pihak DAP membangkang keras terhadap pindaan mengenai pegawai-pegawai Kerajaan ini, ini tidak adil, begitu-begini. Ini adalah satu lelah politik daripada DAP untuk memancing undi daripada pegawai-pegawai Kerajaan. Ini hendak menunjukkan kepada pegawai-pegawai Kerajaan bahawa DAPlah menjadi juara menjadi pejuang memperjuangkan hak-hak dan keadilan bagi pihak pegawai-pegawai Kerajaan. Tetapi saya fikir pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan kita hari ini bukan begitu bodoh, bukan begitu senang ditipu, dimislead dan dicuba hendak diperbodoh-bodohkan, hendak dicucuk hidung oleh pihak DAP. Selepas beliau berkata membangkang dengan sekeras-kerasnya Akta mengenai pegawai-pegawai Kerajaan ini pula apabila tiba pada satu peringkat beliau pula meminta Kerajaan bertindak tegas terhadap pegawai-pegawai Kerajaan yang tidak dedikasi, yang rasuah, yang begitu-begini. Jadi saya tidak faham apakah sikap Ahli Yang Berhormat dari Damansara ini, sebenarnya kata beliau membangkang dengan sekeras-kerasnya tindakan Kerajaan meminda Akta

ini untuk mengambil tindakan terhadap pegawai-pegawai Kerajaan dan selepas itu tidak sampai 3 minit kemudiannya beliau berkata bahawa beliau berharap Kerajaan akan bertindak keras kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang rasuah dan sebagainya. Jadi apa sikap ini? Bagaimana sikap DAP, kita hendak tahu. Inilah yang dikatakan sikap yang tidak bertanggungjawab, cuma tujuan dan sikap DAP ini untuk mencari kesempatan di mana ada dan di mana boleh dan bila-bila masa juga.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada Akta Pindaan ini mengenai Fasal 2, saya menyokong penuh pindaan Perkara 45 dan dengan pindaan ini akan membolehkan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melantik dua orang Ahli Dewan Negara untuk mewakili kepentingan-kepentingan penduduk-penduduk di Wilayah Persekutuan. Kita semua maklum bahawa semenjak ditubuhkan Wilayah Persekutuan ini, Wilayah Persekutuan sudah mempunyai urusan dan pentadbirannya yang berasingan dari negeri asalnya, negeri Selangor. Selain daripada itu, Wilayah Persekutuan sebagai Ibukota Negara kita yang mempunyai ramai penduduk sangatlah wajar mendapat dua orang wakil mereka yang duduk dalam Dewan Negara semoga dengan adanya Ahli-ahli Dewan Negara yang mewakili penduduk-penduduk Wilayah Persekutuan itu dapatlah hendaknya orang ramai, terutama mereka yang bermastautin di Wilayah Persekutuan ini menyuarakan pendapat dan menyampaikan masalah-masalah yang mereka hadapi dalam Dewan tersebut. Dengan yang demikian, pihak Kerajaan pula bolehlah berikhtiar mencari jalan mengatasi masalah-masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai Fasal 2 (1) (c). Keadaan yang berjalan sekarang ialah tempoh perkhidmatan Ahli-ahli Dewan Negara ini ialah selama 6 tahun dan dengan pindaan yang akan kita luluskan tak lama lagi bererti perkhidmatan itu akan tinggal hanya 3 tahun. Dengan adanya pindaan ini, saya rasa akan memberi peluang lebih ramai lagi kepada orang-orang yang berkebolehan. Semenjak negara kita merdeka lebih kurang 21 tahun, sudah ramai kita mempunyai Ahli-ahli profesional dalam berbagai bidang, misalnya dalam segi ketenteraan, dalam segi perniagaan, perdagangan dalam segi jurutera dan sebagainya.

Orang-orang ini yang sudah memberi khidmat baktinya kepada negara, yang sudah meningkat umurnya, yang tidak boleh lagi memberi tugas dengan tenaga mereka kepada profesyen mereka, orang-orang ini yang mempunyai pengalaman yang bernilai, pengalaman yang bermutu ini, patutlah kita memberi peluang mereka memberi pendapat, memberi teguran dalam Dewan Negara. Dengan adanya masa selama 3 tahun ini tak perlulah lagi orang-orang yang mempunyai kebolehan menunggu bertahun-tahun untuk hendak dapat tempat dalam Dewan Negara. Kalau masa enam tahun itu barangkali terlalu panjang bila terlalu lama kita duduk di suatu tempat itu maka makin hari keupayaan kita, sumbangan kita terhadap Dewan yang mulia itu barangkali makin hari makin kurang. Jadi, dengan adanya pindaan ini iaitu daripada enam tahun kepada tiga tahun, yang pertama boleh memberi galakan kepada Ahli-ahli yang dilantik masuk ke Dewan Negara itu memberi sepenuh tenaga, memberi sepenuh sumbangan yang efektif dalam Dewan Negara kelak.

Sekiranya kita dapati Ahli-ahli yang kita lantik dalam Dewan Negara tadi kurang dapat memberi sumbangan, kita tidak payah menunggu lama-lama, hanya dalam masa tiga tahun dapat kita gantikan dengan orang yang lebih boleh menyumbangkan tenaganya dalam Dewan yang mulia itu. Sekiranya kita dapati seseorang Ahli Dewan itu dapat memberi sumbangan yang lebih, dapat memberi sumbangan yang berguna, bolehlah pihak Kerajaan menimbang untuk menyumbangkan perkhidmatannya selama tiga tahun lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka bercakap mengenai pindaan yang ketiga, mengenai Perkara 135 (2). Pindaan ini bertujuan untuk menghapuskan apa-apa keraguan tentang hak-hak seseorang anggota Perkhidmatan Awam yang perkhidmatannya telah ditamatkan kerana kepentingan awam.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pandang sekali imbas, pindaan ini akan memberi lebih banyak kuasa kepada Kerajaan untuk bertindak terhadap pegawai-pegawai dan kakitangannya dan akan mengurangkan pula peluang-peluang pegawai-pegawai atau kakitangan itu untuk mempertahankan haknya bagi dirinya. Itu kalau kita pandang sekali imbas.

Dalam hubungan ini, saya sungguh yakin bahawa tindakan Kerajaan meminda Akta ini bukanlah dengan niat untuk menekan, untuk mengugut, untuk menindas dan jauh sekali dari ingatan untuk menganiayai mana-mana pegawai dan kakitangannya. Saya penuh yakin dalam hubungan ini dan saya yakin bahawa pindaan ini dibuat tentulah berdasarkan kepada pengalaman-pengalaman yang baik yang dirasai dan dialami oleh pihak Kerajaan dalam menghadapi pegawai-pegawai kita yang rasuah, tidak cekap dan berbagai-bagai lagi sifat yang bertentangan dengan kepentingan negara. Pindaan ini saya juga yakin tentulah dibuat setelah dikaji dan diteliti dengan semasak-masaknya dan tentulah berbandukan beberapa kes yang tertentu yang melibatkan pegawai-pegawai Kerajaan dengan kepentingan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menghadapi pegawai-pegawai yang rasuah, yang tidak cekap tadi, di mana Kerajaan tidak dapat mengambil apa-apa tindakan terhadap pegawai-pegawai itu, kalau Kerajaan hendak menggunakan peruntukan undang-undang yang dijalankan sekarang, masih ada kelemahan-kelemahan undang-undang itu, masih ada loophole, masih ada rongga-rongga di mana pegawai-pegawai yang cekap, yang licin tadi dapat melepaskan diri. Saya yakin Kerajaan tidak mempunyai jalan lain, Kerajaan tidak mempunyai alternative dalam hal ini selain daripada mengemukakan pindaan ini kepada Dewan.

Berhubung dengan pegawai-pegawai Kerajaan yang rasuah, yang tidak cekap, yang tidak dedikasi dan yang berlagak dan bersikap yang bertentangan dengan kepentingan orang ramai ini, sejak akhir-akhir ini kita banyak mendengar sungutan, aduan dari orang ramai terhadap sikap segelintir kakitangan—tidak ramai—sikap segelintir pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan ini yang malas, yang ponteng, tidak cekap, bersikap pilih kasih dalam melayani orang ramai. Mereka ini suka mengamalkan rasuah dan banyak lagi sikap-sikap yang bertentangan dengan kepentingan orang ramai dan kepentingan negara. Banyak aduan dibuat kepada Wakil Rakyat, kepada Pegawai Daerah, dan ada di antara orang ramai yang bersikap lebih bertanggungjawab telah membuat aduan-aduan tentang sikap-sikap pegawai yang rasuah dan tidak bertanggungjawab ini kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab. Mereka menulis surat, mereka

menulis surat itu dengan harapan bahawa pihak Kerajaan akan mengambil tindakan terhadap pegawai-pegawai yang mereka tidak ingini itu, tetapi setelah menunggu sebulan, dua bulan, enam bulan, bahkan ada yang menunggu setahun, dua tahun, pegawai yang tidak bertanggungjawab, yang rasuah tadi masih bermaharajalela, masih enak-enak di tempatnya. Kerajaan tidak ambil tindakan, Kerajaan tidak dapat buat apa-apa kepada pegawai yang orang ramai tidak suka itu tadi, walaupun setelah menerima aduan-aduan dari orang ramai.

Apabila tindakan oleh rakyat yang bertanggungjawab menyampaikan aduan, memberitahu atas sikap pegawai-pegawai tadi kepada pihak Kerajaan dan setelah menunggu dengan sabar begitu lama, tidak diambil tindakan oleh pihak yang bertanggungjawab, maka timbullah perasaan hampa, perasaan geram dan perasaan marah yang meluap-luap dan timbullah syak-wasangka diikuti dengan tuduhan-tuduhan yang tidak bertanggungjawab kepada Kerajaan, kepada Wakil-wakil Rakyat, bahawa Kerajaan kita lemah, Kerajaan kita tidak bertanggungjawab, Kerajaan itu dan Kerajaan ini. Apabila kemarahan ini, rasa tidak puas hati, rasa geram, rasa marah yang meluap-luap ini dicakap di sana sini, ini memberi kesempatan kepada anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab, kepada anasir-anasir subversif, untuk mengeksploitasikan perasaan marah rakyat ini dan menggunakan untuk kepentingan mereka bagi menentang Kerajaan kita. Itu di pihak rakyat yang melihat dengan mata kepalanya sendiri akan kegiatan-kegiatan yang tidak bertanggungjawab pegawai-pegawai tadi.

Sekarang mari kita berbalik kepada pihak Kerajaan. Setelah menerima aduan, setelah menerima maklumat daripada orang ramai, pihak Kerajaan terus menjalankan siasatan dengan teliti, tetapi apabila melihat peruntukan undang-undang yang ada, Kerajaan tidak dapat berbuat apa-apa terhadap pegawai yang berkenaan, lantaran peruntukan undang-undang yang ada itu masih, seperti yang saya katakan tadi, mempunyai kelemahan-kelemahan, mempunyai loophole, mempunyai rongga di sana sini, yang boleh melepaskan pegawai-pegawai yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir telah tibalah masanya pihak Kerajaan mengemukakan Akta Pindaan ini dan hanya dengan Akta Pindaan ini sahaja saya yakin barulah pihak pegawai-pegawai yang rasuah, yang tidak cekap tadi, tidak lagi pada pandangan kita, pada masa ini dapat melepaskan diri dan tidak lagi dapat melarikan diri daripada menerima hukuman yang setimpal dengan perbuatan mereka. Ada kalanya sesuatu kes itu tak dapat kita bawa ke mahkamah pengadilan kerana saksi yang ada itu tak berani hendak menjadi saksi, tak berani berdiri dalam mahkamah untuk mengatakan perkara ini berlaku. Sebagai contoh, ada seorang pegawai penguatkuasa di Jabatan A yang bertanggungjawab meluluskan permit kenderaan untuk dibaharui. Sikap pegawai ini sangat-sangat tidak disukai oleh orang ramai, kerana dia memeras dan menghisap darah orang ramai tetapi orang ramai yang memberi rasuah kepadanya tidak berani berdiri dalam mahkamah untuk menjadi saksi kepada pihak pengadilan, kerana bimbang jika mereka berdiri di mahkamah, mereka memperlihatkan diri mereka berani mencabar pegawai tadi, akibatnya akan mereka terima sendiri. Syarikat atau company mereka yang berkenaan akan menjadi mangsa kepada pegawai-pegawai yang baru pula. Ini yang mereka takutkan. Inilah perkara yang pihak Kerajaan saya fikir tidak dapat membawa ke muka pengadilan pegawai-pegawai yang terlibat tadi.

Selain dari itu saya sangat berharap apabila Akta ini diluluskan. Kerajaan mestilah menggunakan kuatkuasa undang-undang ini menyiasat pegawai-pegawai kita tentang harta-harta yang mereka miliki seperti yang dikatakan oleh saudara saya dari Damansara tadi ada pegawai Kerajaan yang gajinya \$3,000 tetapi rumahnya \$300,000—memang benar. Selain daripada kenderaan yang disediakan oleh Kerajaan, mereka mempunyai dua tiga buah lagi kenderaan yang mahal-mahal. Kalaupun gajinya \$3,000 sebulan, mari kita hitung, mari kita teliti, berapa banyak daripada gaji \$3,000 itu dapat disimpan, dapat dijimatkan. Sejimati-jimat pegawai ini mungkin dapat simpan \$1,000 sebulan, kalau rumah yang dibuatnya berharga \$300,000 atau \$500,000 dalam masa dia bekerja 2 atau 10 tahun, di manakah dia dapat wang untuk membiayai pembinaan rumah itu? Ini patut kita kaji.

Boleh jadi kena loteri. Saya suka juga menyentuh atas perkara ini. Ada saya dapat aduan dari orang ramai bahawa ada pegawai-pegawai yang rasuah tadi sentiasa bertanya-tanya kalau ada sesiapa yang menang judi ekor, kalau hadiah itu \$40,000 dia sanggup beli \$50,000. Ini untuk disimpan sebagai bukti apabila ditanya oleh pihak yang bertanggungjawab, di mana awak dapat wang? Jawabnya; saya menang ekor, ini buktinya. Kalau nombor satu hadiahnya \$40,000 dia sanggup beli \$50,000. Ini di mana-mana orang ramai bercakap, kalau sekiranya dia dengar, dia tahu ada orang-orang yang kena loteri \$400,000 dia sanggup beli \$600,000 menggandakan hadiah ini untuk melindungi perbuatan rasuah itu. Semakin maju negara kita dalam berbagai bidang, maka bidang penipuan ini juga maju seimbang dengan kemajuan sains dan teknologi dan sebagainya. Maka Akta inilah yang perlu kita luluskan di Dewan ini untuk menangkap dan memerangkap pegawai-pegawai yang rasuah ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, dalam melaksanakan dan menguatkuasakan Akta ini, saya sangat-sangatlah berharap supaya Kerajaan sebelum mengambil tindakan hendaklah disiasat, dikaji, diteliti dengan sehalus-halusnya, sebab kita tahu manusia biasanya ada perasaan dengki, khianat, ada perasaan cemburu dan sebagainya. Boleh jadi dalam masa kita melaksanakan dan menguatkuasakan Akta ini, ramai dari manusia yang dengki, hasad dan khianat ini akan membuat berbagai tuduhan, akan mengadakan berbagai bukti untuk menindas rakan-rakannya.

Jadi sebelum saya akhiri ucapan saya, saya harap sangat pihak Kerajaan sebelum melaksanakan Undang-undang ini dan menguatkuasakan Akta ini kepada pegawai-pegawai yang terlibat, hendaklah diteliti dan disiasat dengan sehalus-halusnya supaya tidak akan ada pegawai-pegawai yang teraniaya.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

5.25 ptg.

**Dr Tan Tiong Hong (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Akta Perlembagaan (Pindaan), 1978 dan ingin

membahaskan berkenaan Perkara 45 Perlembagaan berkenaan melantik dua orang Senator sebagai wakil dari Wilayah Persekutuan.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan untuk mengadakan suatu pindaan yang boleh melantik dua orang Senator sebagai wakil Wilayah Persekutuan oleh kerana Wilayah kita ini sangat besar dan penduduk di dalam Wilayah ini ada lebih kurang satu juta orang. Saya harap apabila kita datang kepada masa, bila kita mengkaji semula wakil-wakil dari Wilayah Persekutuan, kita boleh lagi mengkaji, bolehkah atau tidak kita tambah lagi Senator-senator yang mewakili Wilayah Persekutuan dan juga wakil rakyat yang mewakili Wilayah Persekutuan ini, oleh kerana Wakil-wakil Rakyat dan juga Senator-senator yang mewakili Wilayah Persekutuan ini tidak menjadi "State Assemblymen" yang boleh membantu dan bekerjasama dengan mereka, oleh kerana itu rakyat jelata selalu dapat perwakilan yang sangat kurang di kebanyakan tempat di dalam Wilayah Persekutuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan Perkara 135, Fasal (2), tadi kita sudah dengar pendapat Ahli Yang Berhormat dari Damansara dan saya sangat hairan semasa Perdana Menteri memberi penjelasan, tidakkah wakil dari Damansara mendengar dengan sebaik-baiknya. Tadi Perdana Menteri telah beritahu kepada Dewan yang mulia ini, iaitu pindaan ini bukan hendak mengurangkan atau menghadkan pegawai-pegawai atau menggunakan pindaan ini sebagai satu alat witchhunt. Tadi Perdana Menteri telah memberi penjelasan yang terang, pindaan ini dibuat oleh kerana kita boleh mengambil tindakan terhadap pegawai-pegawai yang tidak cekap, jujur dan berdedikasi atau tidak memuaskan hati lagi di dalam perkhidmatan Kerajaan dan sanggup menunggu masa sampai masa pencen mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Damansara juga hendak beri satu imej yang Kerajaan ini sebagai satu Kerajaan yang tidak menyokong hak kemanusiaan dan dia juga sebagai seorang trade unionist memberitahu kepada kita yang pindaan ini telah melanggar prinsip I.L.O. iaitu "No person shall be dismissed without valid reason". Ini saya tidak terima oleh kerana apabila seorang pegawai yang perkhidmatannya ditamatkan, mestilah ada reason. Dan jikalau kita dengar ucapan

Ahli Yang Berhormat dari Damansara kita dengar dia seperti ambivalent atau dual personality yang satu selalu apabila tindakan Kerajaan atau perkhidmatan Kerajaan tidak berapa memuaskan hati, parti Pembangkang khususnya dari DAP selalu menentang Kerajaan dan selalu berkata pegawai-pegawai Kerajaan tidak mahu bekerja, pegawai-pegawai Kerajaan tidak cekap, tidak jujur dan tidak berdedikasi. Dan apabila Kerajaan adakan satu pindaan yang boleh mengambil tindakan mengatasi masalah macam ini, mereka kata, kita semua tidak adil, kita semua tidak mengikut prinsip-prinsip I.L.O.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan Perkara 149 Undang-undang menentang aktiviti-aktiviti subversif, saya menyokong penuh pindaan ini oleh kerana ada satu masalah yang sangat penting yang kita mesti hendak menghapuskan ialah masalah dadah. Dan juga tadi Ahli Yang Berhormat dari Damansara beritahu kepada Dewan yang mulia ini tindakan yang sedang diambil oleh pihak Kerajaan tidak begitu berkesan dan mesti ada suatu pindaan di mana sesiapa yang ada mengambil aktiviti di dalam dadah mesti ada hukuman mati atau capital punishment dan tadi Ahli Yang Berhormat dari Damansara telah memberitahu kepada kita dia sendiri ada lihat kanak-kanak, budak-budak, belia-belia yang menggunakan dadah. Jikalau kita mengikut suggestion oleh Ahli Yang Berhormat dari Damansara itu dan ada satu Undang-undang hukuman mati dan apabila budak-budak yang kena tangkap menggunakan dadah, hukuman mati telah dijatuhkan kepada mereka, saya ingat DAP juga akan menentang tindakan Kerajaan ini tidak ada mengikut prinsip hak manusia dan kanak-kanak yang tidak tahu, yang belum mature, tidak boleh diberi hukuman mati.

Saya sedar dan saya ingat Kerajaan juga sedar di masa sekarang tindakan yang diambil oleh pihak berkenaan tidak berapa memuaskan hati dan kita boleh mengambil langkah-langkah yang boleh lebih berkesan lagi. Dan saya harap apabila kita adakan satu Undang-undang di mana pihak berkenaan boleh mempertahankan penagih-penagih dadah, kita mestilah hendak mengkaji semula di mana tempat kita hendak menahan penagih-penagih dadah itu. Dan saya ada satu cadangan, iaitu jikalau Kerajaan boleh menetapkan satu pulau di manamana pun yang mana kita apabila tahan penagih-penagih dadah, kita hantar mereka

ke pulau itu. Ini sahaja saya ingat kalau kita ambil langkah macam ini, kita tidak boleh menghapuskan masalah-masalah dadah dan sekarang masalah-masalah dadah ini ada implikasi keamanan, ada implikasi subversion dan kita sudah tahu di negara jiran-jiran kita ada masalah-masalah yang sudah timbul di mana keamanan political stability dan security mereka telah menjadi satu masalah yang terbesar.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Dan jikalau kita tidak mengambil tindakan yang keras dan yang lebih berkesan, saya ingat aktiviti-aktiviti subversion ini yang menggunakan alat-alat macam dadah, boleh menjadi satu masalah yang jikalau kita tidak mengambil langkah sekarang, barangkali sampai satu masa yang hadapan kita sudah lambat sedikit.

Yang akhir sekali, saya berharap Kerajaan akan mengambil perhatian yang berat berkenaan masalah dadah ini dan apabila pindaan ini telah diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini, langkah-langkah yang lebih berkesan boleh diambil.

5.39 ptg.

**Tuan Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir (Kulim-Bandar Bahru):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama menyokong usul (Pindaan) Perlembagaan yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Mula-mula mengenai kuasa Dewan ini. Saya inginlah menyatakan bahawa saya juga agak terkejut dengan pendapat yang telah disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar tadi. Kita tidaklah payah bercakap panjang mengenai kuasa-kuasa yang ada pada Dewan yang mulia ini. Memang kitalah kuasa mutlak untuk membuat Undang-undang.

Dan dalam Undang-undang ini memanglah kita adakan suatu Undang-undang utama iaitu Perlembagaan Malaysia. Dan kita tidaklah payah untuk memperingkatkan diri kita bahawasanya kita tidak boleh meminda Perlembagaan kita ini dengan suatu Undang-undang biasa.

Tetapi walau bagaimanapun sungguhpun kita begitu menghormati undang-undang utama kita iaitu Perlembagaan tetapi kuasa memang diberi di bawah Perkara 159 untuk meminda Perlembagaan dengan cara-caranya yang tertentu. Memanglah ada beberapa perkara dalam Perlembagaan kita ini yang tidak boleh dipinda dan pindaan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat itu adalah perkara-perkara yang terkandung yang tidak termasuk dalam pengecualian di bawah Perkara 159. Jadi tidaklah timbul soal, kita ini tidak ada kuasa untuk meminda Perlembagaan.

Sebagaimana yang kita tahu tidak ada satu negara dalam dunia ini di mana undang-undang agak merangkum segala bentuk dan aspek hidup rakyatnya ataupun hubungan rakyat dengan Kerajaan ataupun golongan dengan golongan. Jadi, suah tentulah dari masa ke semasa kita perlu membuat undang-undang yang baharu, undang-undang biasa dan kadangkala meminda undang-undang pokok negara. Dan kalau kita bandingkan Malaysia dengan negara-negara lain, kita memanglah muda sekali. Perlembagaan kita baharu berumur lebih kurang 20 tahun—memang terlalu muda jika dibandingkan dengan negara-negara lain yang undang-undang yang ada pada mereka sekarang ini mengambil proses beratus-ratus tahun untuk dikemaskan. Saya berasa bangga juga dengan Kerajaan yang telahpun mendapatkan kemerdekaan pada tanahair ini dengan Kerajaan yang telahpun memerintah negara ini sejak tahun 1955 bahawasanya sungguhpun masalah-masalah dalam negara kita ini begitu kompleks dan rumit tetapi tindakan-tindakan yang kita ambil untuk meminda Perlembagaan kita ini adalah sedikit sekali.

Tadi Ahli Yang Berhormat dari Pembangkang menyatakan yang kita suka sangat meminda Perlembagaan, sedikit-sedikit meminda Perlembagaan, dan saya pernah juga mendengar dalam Parlimen-parlimen yang sudah, itu juga alasan-alasan yang dikemukakan oleh pihak Pembangkang bahawasanya Perlembagaan adalah satu undang-undang yang suci yang kita tidak boleh menyentuh ataupun memindanya mengikut kadar sesuka hati kita. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tegaskan di sini kalau kita selidik, kalau kita lihat dari sudut bahawasanya Perlembagaan kita ini begitu

muda iaitu hanya 20 tahun dan memandangkan dari sudut masalah-masalah yang begitu rumit dalam negara kita ini, Kerajaan Barisan Nasional haruslah diberi tahniah yang setinggi-tingginya kerana begitu menghormati Perlembagaan ataupun undang-undang utama negara ini. Jadi, oleh sebab keadaan dalam Malaysia ini begitu rumit, sudah tentulah dari semasa ke semasa kita akan dapati bahawasanya kita harus memperelokkan ataupun perbetulkan cara hidup kita. Kerapnya ini diperbetulkan dengan undang-undang biasa. Dan kadangkalanya tidak dapat elak kita harus menyentuh undang-undang utama kita Perlembagaan kita dan memindanya dari semasa ke semasa. Dan kadangkalanya, segala undang-undang ini boleh diperbetulkan, diperbaiki dengan inisiatif Kerajaan sendiri memandangkan keperluan-keperluan yang akan timbul dari semasa ke semasa tetapi dalam hubungan ini, saya percaya mahkamah juga menolong kita, membantu kita. Oleh sebab sebagaimana yang kita tahu mahkamah tidak ada kuasa untuk membuat undang-undang. Kalau kita baca kenyataan akhbar CUEPACS pagi ini dan juga ucapan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Damansara tadi seakan-akan keputusan-keputusan Privy Council itu begitu besar, begitu bermakna sekali seakan-akan dialah yang boleh berkata orang membuat undang-undang ataupun keputusan-keputusan yang lebih penting dari undang-undang yang boleh dibuat oleh Dewan yang mulia ini. Sebagaimana yang kita tahu mahkamah hanya mentafsirkan undang-undang. Kuasa untuk membuat undang-undang adalah terletak di tangan Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita berterima kasih kepada mahkamah, kerana tidak ada satu undang-undang yang boleh merangkumkan, yang boleh disesuaikan dengan tiap-tiap cara hidup manusia atau hubungan manusia dengan manusia, manusia dengan Kerajaan ataupun golongan dengan Kerajaan. Jadi, inilah peranan mahkamah di mana ia membongkar, mendedahkan kelemahan-kelemahan dan juga kekosongan-kekosongan dalam sesuatu undang-undang. Kita berterima kasih juga bahawasanya dalam kes Mahan Singh yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini telah membangkitkan kepada kita suatu kelemahan yang terdapat dalam undang-undang negara kita malah dalam

Perlembagaan kita sendiri. Kita berterima kasih kepada Privy Council kerana telah menunjukkan kepada kita yang sesuatu perkara dalam undang-undang utama kita ini harus diperbetulkan. Kalau tidak, sudah tentulah penjenayah-penjenayah yang dimaksudkan itu ataupun orang-orang yang telahpun diberhentikan dari kerja mereka, jawatan-jawatan mereka demi kepentingan negara akan bermaharajalela, akan terlepas dari hukuman. Kita berterima kasih kepada mahkamah—Privy Council dalam hubungan ini dan kita juga agak berterima kasih kepada mahkamah yang telahpun dari semasa ke semasa mendedahkan ataupun tunjukkan kepada kita kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam undang-undang negara.

Tadi wakil dari Damansara telah juga menyentuh tentang kebebasan hak untuk didengar atau the right to be heard, dan sedikit sebanyak beliau cuba untuk menyatakan bahawasanya ini adalah bertentangan dengan natural justice akan seseorang individu.

Saya ingin menyatakan di sini, bahawasanya natural justice itu haruslah diperketatkan, dikaji dalam konteks yang sewajarnya. Sungguhpun kita boleh tegaskan, kita boleh melaung-laungkan prinsip natural justice itu kepada seseorang individu tetapi kita harus juga memikirkan dan sedar bahawasanya ada juga natural justice kepada golongan, kepada negara, ataupun untuk kepentingan negara. Sungguhpun dari satu segi sesuatu perbuatan itu bertentangan dengan prinsip natural justice kepada seseorang individu tetapi prinsip ini harus kita korbakan kalau ianya berfaedah untuk kepentingan sesuatu golongan ataupun untuk kepentingan negara. Jadi, soal natural justice ini, kita haruslah perlihatkan dalam konteks yang sebenar dan jelaskan kepada kita kali ini bahawasanya sungguhpun kita terpaksa ketepikan sedikit the right to be heard bagi seseorang individu dalam kes-kes yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi kita tidak dapat elak oleh sebab ini adalah bagi kepentingan negara, bagi kepentingan golongan yang harus diberi pembelaan—in the higher national interest.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa pindaan-pindaan yang telahpun dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu adalah merupakan pada

pendapat saya pindaan-pindaan yang tidaklah begitu keterlaluan, tidaklah agak mengejutkan kita. Satunya adalah Perlembagaan mengenai Senate, saya percaya sudahlah sampai masanya sebagaimana yang telahpun dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum saya tadi, dibuat suatu kajian semula tentang peranan yang harus dimainkan oleh badan itu, keanggotaannya dan sebagainya. Tetapi yang paling penting bagi saya adalah pindaan kepada Perkara 135 Fasal 2 iaitu mengenai Perkhidmatan Awam.

Memanglah sebagai sebuah negara yang begitu muda yang boleh dikatakan kita ini sudahpun berada dalam peringkat "Take-off stage" dalam pembangunan kita, Perkhidmatan Awam adalah tersangat penting. Kalau kita tidak mengawalinya dari awal-awal lagi, kalau kita tidak perbetulkan sistem dan nilainya dari awal-awal lagi sudah tentulah ia akan dimakan oleh ulat-ulat dan dengan sendirinya segala dasar-dasar dan apa juga yang kita hendak laksanakan tidak dapat berjaya.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telahpun membawa suatu pindaan kepada Perkara 149 (a) iaitu untuk memberi kuasa kepada Kerajaan mengenai "kuasa-kuasa khas menentang perbuatan subversif, kekerasan yang dirancang, dan perbuatan-perbuatan dan jenayah-jenayah yang memudaratkan awam, dan kuasa-kuasa darurat."

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hanya menyatakan soal dadah, soal gangsters dan lain-lain lagi. tetapi pada pendapat saya perkara ini bolehlah diperluaskan untuk merangkum juga anasir-anasir yang selalunya cuba untuk mensabotaj perlaksanaan dasar-dasar pokok negara seperti perlaksanaan Dasar Pelajaran negara, Dasar Ekonomi Baru Kerajaan dan sebagainya.

Oleh sebab itu, saya ingin menyokong dengan sekuat-kuatnya pindaan yang dikemukakan itu. Cuma satu soal akhir yang timbul samada kuasa-kuasa arbitrary yang diberikan kepada Kerajaan ini patut disokong iaitu mungkinkah Kerajaan akan menggunakan kuasa-kuasa ini untuk kepentingan sendiri tanpa memperhitungkan kepentingan ramai ataupun kepentingan negara.

Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan yang memerintah pada masa ini adalah Kerajaan yang sudahpun memerintah negara ini sejak 21 tahun dan tiap-tiap kali ada pilihanraya Kerajaan ini dipulangkan ke Dewan yang mulia ini dengan majoriti yang agak lebih. Ini bukti yang sejelas-sejelasnya bahawasanya kuasa yang kita beri ini adalah diberi kepada orang-orang yang memang bertanggungjawab.

5.53 ptg.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Akta Perlembagaan (Pindaan) 1978.

Pertama sekali sukalah saya menghuraikan dalam Dewan ini Perkara 45 Perlembagaan yang menguntukkan 2 orang Ahli Senate bagi Wilayah Persekutuan yang diberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk melantiknya.

Tuan Yang di-Pertua, Wilayah Persekutuan ini diwujudkan dalam tahun 1974, diasingkan daripada negeri Selangor, mempunyai lima kawasan Parlimen tanpa kawasan Negeri. Walhal penduduk-penduduk di dalam Wilayah Persekutuan ini adalah berasal daripada penghuni-penghuni yang telah biasa diperintah oleh Kerajaan Negeri. Jadi apabila berlaku perubahan susunan pentadbiran politik ini, maka ramailah di antara penduduk-penduduk di dalam Wilayah Persekutuan terpinga-pinga untuk sementara waktu dan dalam keadaan terpinga-pinga inilah maka parti Pembangkang telah mengexploitasikan keadaan ini. Jadi tidak hairanlah di dalam Wilayah Persekutuan ini untuk sementara waktu parti Pembangkang mendapat 3 daripada 5 kerusi.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum beberapa kemudahan daripada segi pentadbiran yang telah biasa wujud waktu di dalam keadaan Kerajaan Negeri dahulu telah dimansuhkan apabila wujudnya Wilayah Persekutuan. Selain daripada tanpa pentadbiran Kerajaan Negeri tidak mempunyai Menteri Besar, tidak mempunyai Wakil Rakyat Negeri; Wilayah Persekutuan juga tidak mempunyai Pegawai Daerah lagi, tidak mempunyai Setiausaha Kerajaan lagi dan kalau turun ke bawah lagi tidak mempunyai Penghulu-penghulu dan tidak mempunyai Ketua-ketua Kampung.

Sejak tahun 1974 pentadbiran Wilayah Persekutuan telah diambilalih oleh Kerajaan Pusat dan pelaksanaan hari-hari pentadbirannya diserahkan kepada Bandaraya. Dan Bandaraya ini pula sehingga tahun 1978 ini diletakkan di bawah naungan Kementerian Kerajaan Tempatan pada ketika itu sehinggalah wujudnya Kementerian Wilayah dalam susunan Kabinet baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya anggap sejak tahun 1974 sehingga sekarang pentadbiran Wilayah Persekutuan yang dijalankan oleh Dewan Bandaraya bolehlah dianggap satu pentadbiran zaman peralihan (transitional period) yang mana ramai penduduk-penduduk di Wilayah Persekutuan ini belum memahami dan di sinilah menimbulkan kesulitan sedikit kepada pihak Kerajaan untuk sementara waktu bagi menjelaskan keadaan perubahan yang berlaku sejak tahun 1974.

Sebagai contoh, masalah tanah. Selalunya pemohon-pemohon pergi ke tiap-tiap Pejabat Daerah ataupun yang telah dapat geran dan titlennya dipegang oleh Pejabat Daerah, Kuala Lumpur; apabila wujud Wilayah Persekutuan kuasa-kuasa ini diambilalih oleh satu Jawatankuasa Pentadbiran Tanah di Jabatan Perdana Menteri yang mana Ketua Setiausaha Negara sendiri menjadi Pengerusinya dan mewujudkan satu Jabatan Pengarah Tanah dalam Wilayah Persekutuan.

Dalam siasatan saya dalam perkara ini sahaja, Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini masih belum selesai sepenuhnya pertukaran-pertukaran dan pemindahan-pemindahan masalah pentadbiran, fail-fail daripada Kerajaan Negeri Selangor ke Pejabat Pengarah Tanah Wilayah Persekutuan.

Ini satu contoh bagaimana rumit. Di sini-lah timbulnya beberapa perkara, misalnya sebagai contoh tanah di Kuala Lumpur ini kebanyakannya diberi secara lease 30 tahun ataupun 60 tahun dan sekarang ini hampir-hampir nak luput dan pemohon-pemohon ini meminta jasa baik wakil rakyat untuk mengemukakan, tetapi walaupun diusahakan jawapannya yang pasti ialah tidak dapat dilaksanakan dan diberi oleh Pejabat Tanah, kerana apabila Pejabat Tanah dan Bandaraya mengambilalih pentadbiran Wilayah Persekutuan, jabatan ini mewujudkan satu

perancangan induk seluruh Wilayah Persekutuan dan ini melibatkan keseluruhan keadaan tanah di dalam Wilayah Persekutuan. Apabila ini berlaku maka timbulah perasaan tidak puas hati di kalangan penghuni-penghuni tuan-tuan punya tanah di dalam Wilayah Persekutuan, di dalam keadaan inilah seperti yang saya terangkan tadi Parti Pembangkang mengeksploitasikan keadaan dan memburuk-burukkan pentadbiran Kerajaan Pusat dan menakut-nakutkan tuan-tuan punya tanah seolah-olah oleh sebab kelambatan mendapat jawapan kepastian dari segi pentadbiran, dia menuduh seolah-olah Kerajaan hendak merampas hak-hak orang ramai dan sebagainya. Itu sebagai contoh, tanah sahaja. Juga, yang lebih malang di dalam Wilayah Persekutuan ini, Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini adakah Ahli Yang Berhormat bercakap dalam perkara pindaan kepada Perkara 45 Perlembagaan?

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Ya, ini masalah betapa pentingnya berkehendakkan Senator, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berikan gambarannya . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Tetapi tumpukan kepada ini sahaja, jangan banyak perkara-perkara yang lain.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam perkara ini seperti yang saya terangkan tadi, malangnya dalam Wilayah Persekutuan ini orang-orang miskin yang teramai sekali terdiri daripada orang Melayu. Orang Melayu ini berasal daripada kampung-kampung. Dia sudah biasa mendapat nikmat berhubung dengan wakil-wakil rakyatnya, senang hendak berjumpa sebab di peringkat negeri bagi tiap-tiap satu kawasan Parlimen itu sekurang-kurangnya mempunyai 3 orang wakil rakyat negeri. Apabila telah masuk di dalam Wilayah Persekutuan cuma mempunyai wakil rakyat Parlimen sahaja. Inilah kedudukan yang paling sulit sekarang bagaimana penduduk-penduduk khasnya Bumi-putra yang biasa mendampingi wakil-wakil rakyat, apabila menjadi penghuni di dalam Wilayah Persekutuan menghadapi masalah tidak dapat semudah-mudahnya mereka hendak berjumpa dengan wakil rakyat.

Di sini juga menimbulkan satu kesulitan bukan sahaja wakil rakyat sendiri seperti saya ini seorang Melayu sahaja di dalam Wilayah Persekutuan, bahkan juga tuduhan dikenakan kepada pihak Kerajaan yang mengatakan menganiaya kedudukan mereka, tidak memberi perhatian dan sebagainya. Tambahan pula oleh sebab kesulitan orang ramai ini tidak dapat diberi penjelasan sepenuhnya kerana kekurangan wakil-wakil rakyat terdiri daripada orang-orang Melayu maka timbullah masalah hubungan dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak di sini di dalam Wilayah Persekutuan ini cuma diperuntukkan dua orang Senator sahaja yang akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Saya merayu kepada pihak Kerajaan ataupun kepada Yang di-Pertuan Agong supaya kedua-dua orang ini, saya minta, biarlah terdiri daripada orang Melayu dan ada peruntukannya yang ditambah daripada 32 menjadi 40 itu hendak minta, kalau dapat, ditambahkan juga sekurang-kurangnya 4 orang diletakkan di dalam Wilayah Persekutuan ini. Orang lain tidak payahlah saya rasa. Ini penting, Tuan Yang di-Pertua, sebab rakyat di negeri-negeri, bukan saya hendak menafikan hak-hak di negeri-negeri, di Wilayah Persekutuan ini peranan wakil rakyat amat penting, kita tidak boleh pisahkan sebab penghuni-penghuni seperti saya sebutkan tadi asalnya lebih daripada 18 tahun sudah biasa duduk berdamping dengan wakil rakyat. Saya berharap sangatlah dalam perkara ini, bukan sahaja ditambah dua orang bahkan 4 orang lagi dilantik di dalam Wilayah Persekutuan ini yang boleh mewakili kaum-kaum yang telah sedia ada supaya dapat mengatasi masalah hubungan dan penjelasan bagi penduduk-penduduk dalam Wilayah Persekutuan ini berjumpa dengan wakil-wakil rakyat dan dapat kemudahan-kemudahan dan sebagainya. Terutama sekali sekarang macam-macam jenis borang yang disediakan oleh pihak Kerajaan, semuanya hendak meminta sokongan dan pengesahan daripada pihak-pihak yang tertentu dan salah seorang itu berkehendakkan chop wakil rakyat. Misalnya hendak minta buku-buku sekolah, minta rekaman dan sebagainya. Kalau ramai Senator-senator yang dilantik bolehlah menolong. Saya juga meminta apabila Yang di-Pertuan Agong hendak melantik Senator ini, tolonglah lantik jenis Senator yang boleh

mendampingi dan telah berjasa kepada rakyat. Bukanlah seorang Senator yang bermutu terlampau tinggi sangat yang susah setinggian hendak pergi mencarinya. Begitu juga saya merayu kepada pihak yang berkenaan apabila hendak melantik Senator ini janganlah melantik ahli-ahlinya yang telah mempunyai kedudukan-kedudukan yang tinggi yang menyusahkan orang ramai terutama sekali puak-puak, suku-sakat yang miskin khususnya kaum setinggian yang sekeliling di kawasan Setapak khasnya hendak mencari mereka.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, iaitu perkara 135 Perlembagaan yang menyetujui kedudukan Perkhidmatan Awam. Saya pun kalau dipandang dari segi aspek mengenai natural justice atau hak-hak asasi manusia, saya tidak bersetuju Perlembagaan ini dipinda. Tetapi apabila saya mengkaji dan mendengar ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu yang akan terlibat bukannya 10-15 orang, dalam negara yang berjumlah 11 juta orang penduduk pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan berjumlah setengah juta. Walhal kita semua sedia maklum, Perkhidmatan Awam di negara kita ini memang terkenal dari segi kedudukan mutunya yang tinggi. Kita tahu dari pegawai-pegawai Kerajaan kita 99.9% terdiri daripada orang-orang yang mempunyai hemah yang tinggi dan mempunyai dedikasi. Mereka yang buat kacau cuma 0.1% sahaja. Pindaan undang-undang ini saya rasa yang hendak ditujukan ialah kepada yang 0.1% ini sahaja. Dalam lain perkataan, pegawai-pegawai Kerajaan tidak usahlah susah hati di dalam perkara ini, tidak usah terpengaruh dengan ucapan Parti Pembangkang yang hendak mengambil peluang mengeksploitasi lagi, sebab Parti Pembangkang ini tidak ada kerja lain, apabila ada sahaja pindaan dan perubahan itulah ketikanya dia mencari peluang mengeksploitasikan keadaan, menaburkan racun dengan harapan untuk menawan perasaan orang ramai. Tetapi kalau ditawan pun, untuk sementara waktu sahaja, sebab orang ramai pun bukannya bodoh macam dulu, sekarang sudah cerdik dan dapat menilai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini saya sangat tertarik kalau kita kaji sedikit latar belakang kepercayaan terutama sekali orang Melayu dan bumiputra mempunyai

semangat bagaimana patuh kepada undang-undang sehinggakan mereka mengeluarkan pepatah datuk nenek moyang kita dahulu: Biar mati anak, jangan mati adat. Adat itu maknanya zaman dahulu undang-undang. Di sini menunjukkan golongan rakyat jelata kita terdiri dari apa jua bangsa terutama sekali orang Melayu sangat patuh kepada undang-undang. Jadi saya rasa dengan pindaan ini amat sesuai dilaksanakan, sebabnya selama ini kita mengkritik dan sebagainya memberi pandangan-pandangan bukan kerana dasar Kerajaan itu tidak elok, tetapi ialah masalah implimentasi atau pelaksanaan. Sebagai contoh oleh sebab kelonggaran undang-undang ini apakah akibatnya.

Misalnya Yang Berhormat Menteri Pertanian kita sedang sebok melawat ke sana ke mari untuk mengatasi masalah penyakit mulut dan kuku. Apa yang saya dapat tahu, penyakit ini sebenarnya kalau pegawai-pegawai kita mempunyai hemah yang tinggi, yang kasihkan negara, yang bertugas di sempadan sana dapat mengawal, penyakit ini tidak merebak sebegitu hebat pada hari ini. Oleh sebab kekurangan kawalan di sempadan maka penyakit ini bermula yang dibawa masuk daripada Thailand. Mereka mendapat sedikit jolok, dilepaskan masuk dengan tidak siasat itu dan ini. Ini yang menjadi penyakit, siapa yang menanggung bala? Pada hal perbuatan ini cuma seorang dua orang manusia sahaja di sempadan yang telah diberi kuasa untuk mengawal sempadan melepaskan binatang-binatang yang mempunyai penyakit ini dan sekarang penyakit ini telah merebak dalam negara kita melibatkan kewangan dan macam-macam perkara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat barangkali melencung jauh sangat daripada Fasal 135 ini.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Itu satu contoh, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Janganlah contoh itu lebih panjang daripada yang pokok.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebagai contoh penyakit kuku dan mulut dan yang lain-lain itu seperti kita sedia maklum ketegasan perlu diambil untuk mengelakkan penyakit ini.

Saya mengambil kesempatan ini supaya dapat dihapuskan dan dengan tujuan pindaan ini juga dapat kita melahirkan pegawai-pegawai Kerajaan yang bermutu, yang boleh diharap dan juga yang boleh memberi contoh yang baik kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita ini kaya, oleh sebab kekayaan ini barangkali kalau kita kaji sedikit lebih jauh Allah s.w.t. restui, redha pemerintahan yang ada pada hari ini dengan kita dapat menambahkan hasil negara kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya dukacita tidak dapat benarkan untuk teruskan, kalau tidak tepat pada perkara yang dibahaskan sekarang.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Negara kita ini mempunyai kekayaan dan kalau pentadbiran negara tidak dapat diselaraskan dengan keadaannya, saya takut negara kita akan menempuh bahaya yang besar pada masa yang akan datang.

Dalam Perkara 135 ini, saya menyokong penuh dan juga saya merayu kepada pegawai-pegawai Kerajaan tidak perlu susah hati sekiranya mereka ini sentiasa menjalankan kerja-kerja yang jujur dan ikhlas mengikut landasan undang-undang dan syarat-syarat perkhidmatan.

Saya hendak menyentuh mengenai Perkara 149 Fasal 5. Perkara ini amat mustahak, oleh sebab saya sendiri yang selalu melaunglaungkan masalah penyalahgunaan dadah di dalam negara kita yang selama ini walaupun Kerajaan menggalakkan berbagai-bagai badan menolong hasrat Kerajaan menghapuskan penyalahgunaan dadah yang belum lagi mendapat kesan yang sungguh-sungguh, berkesan kerana tidak mempunyai kuasa-kuasa tertentu. Syukur Alhamdulillah dengan adanya kuasa-kuasa baru yang akan diluluskan oleh Dewan yang mulia hari ini, saya percaya sekurang-kurangnya akan dapat menakutkan sesiapa juga yang hendak mencuba selain dengan adanya undang-undang ini kita dapat meneruskan tindakan-tindakannya, sebab selama ini tanpa kuasa yang kita bincangkan pada hari ini beberapa tangkapan hasil kerjasama daripada orang ramai telah dikemukakan kepada pihak-pihak yang berkuasa dan mereka ini selepas

dibawa ke mahkamah ataupun selepas ditahan oleh pihak Polis, terpaksa dilepaskan balik dan mereka ini berkeliaran di dalam masyarakat. Jadi di dalam keadaan begini, mereka mencabar balik usaha-usaha yang dijalankan oleh orang ramai, badan-badan seperti PEMADAM atau badan-badan tertentu RELA, Rukun Tetangga. Badan-badan ini dicabar balik oleh orang-orang ini, kerana kata mereka, apakah kamu boleh buat, kamu tangkap aku, aku lepas balik. Bukan itu sahaja, akibatnya bukan sahaja menakutkan orang yang menjalankan tugas bahkan membosankan usaha-usaha atau kerja-kerja sukarela yang dijalankan oleh ahli-ahli seperti PEMADAM, Rukun Tetangga, RELA dan sebagainya.

Saya rasa sepatutnya undang-undang ini kita telah pinda lebih awal lagi, tetapi syukur Alhamdulillah sekurang-kurangnya desakan-desakan ini telah mendapat perhatian daripada pihak Kerajaan dan telah pun diusahakan dan dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, oleh sebab mengikut undang-undang ini "yang mendatangkan mudarat kepada ketenteraman awam." Baru-baru ini, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah mengeluarkan istilah pada satu ketika, kita panggil "refugees", sekarang ini dipanggil "pendatang haram." Jadi istilah "pendatang haram", ini, kalau betul kita ambil ertinya yang sebenar pendatang haram, mereka ini mestilah orang yang boleh mendatangkan mudarat kepada ketenteraman awam, boleh atau tidak kuasa ini dilaksanakan kepada pihak-pihak pendatang haram ini.

Mengenai pendatang haram ini juga, Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya mendapat penjelasan daripada Menteri Undang-undang samada istilah pendatang haram ini yang telah diumumkan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, adakah sesuai dengan undang-undang pendatang haram yang ada

di dalam istilah undang-undang negara kita dan bolehkah atau tidak dilaksanakan dalam perkataan yang lain dan sudahkah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Undang-undang menyelaraskan masalah tindakan yang hendak diambil mengenai kedudukan pendatang haram ataupun adakah kuasa pindaan ini yang kita gunakan boleh dirangkumkan sekali untuk kita gunakan kepada pendatang haram.

Ini juga satu perkara yang penting, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya susah hati tentang masalah pendatang haram dengan refugees ini. Pada satu ketika kita kata pendatang haram, tetapi negara kita masih lagi menerima bantuan United Nations untuk memberi makan kepada orang-orang ini. Kalau mengikut istilah pendatang haram, sepatutnya tidak boleh terima bantuan daripada United Nations, United Nations cuma boleh menerima refugees, itu satu. Kedua, kalau kita menggunakan istilah pendatang haram, bukan refugees, apa akan jadi kepada negara-negara yang hendak menerima mereka ini sebagai refugees. Ini juga patut difikirkan, sebab saya tak mahu dalam keadaan ini, negara kita terikat oleh keadaan dengan statements yang dibuat oleh bapa-bapa Menteri kita. Saya berharap dalam perkara dadah dan pendatang haram ini juga, saya minta kepada pihak Kerajaan memikirkan kuasa-kuasa khas yang dibentangkan ini boleh dapat dilaksanakan.

Satu sahaja saya minta, Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu dengan adanya Perkara 135 itu, sudah berapa lama kita menggunakan daripada 500,000 orang kakitangan perkhidmatan awam, hanya 96 orang sahaja diambil tindakan. Ini menunjukkan betapa telitinya Kerajaan kita mengambil tindakan daripada Undang-undang ini. Saya berharap apabila kita membuat pindaan kepada Perkara 149, ini adalah satu kuasa diminta juga Kementerian yang berkenaan, tentulah yang akan menjalani Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, hendaklah juga sungguh-sungguh meneliti supaya jangan berlaku penganiayaan

atau pihak-pihak yang tidak berdosa terkorban. Di sini juga saya minta dakwah dijalankan di kalangan ahli-ahli Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya jangan sekali-kali mengikut perasaan ataupun mengikut kuasa-kuasa yang tertentu dan sebagainya yang boleh memutarbelitkan kuasa ini untuk faedah mereka.

Sebagai contoh, saya beritahu, baru-baru ini ahli-ahli PEMADAM telah dapat mengesan dan menangkap anak seorang pegawai yang berjawatan tinggi tetapi oleh sebab pegawai ini tahu Undang-undang dan sebagainya, dia pusingkan perkara itu, orang yang menangkap itu pula masuk mahkamah, anak dia terlepas. Ini saya minta kursus-kursus juga perlu diberi kepada pegawai-pegawai tinggi ini mengenai istilah Undang-undang yang diluluskan dalam Parlimen, sebab kami dalam Parlimen ini mempunyai niat yang suci, jujur dan ikhlas menyokong Undang-undang ini tetapi kami tidak mahu menanggung dosa, sebab meluluskan Undang-undang ini kelak kalau ada di antara pegawai-pegawai kita menyalahgunakan dan salah tafsirkan kerana perut. Ini mustahak, Tuan Yang di-Pertua. Inilah pandangan-pandangan yang sukacita saya menyokong sangat kepada perkara ini.

Beberapa perkara yang lain yang ingin juga saya sentuh, iaitu yang akhir sekali, Fasal 6 mengenai Perkara-perkara 147 dan 180, Perjanjian pemindahan tanggungjawab masalah pencen kerana negara kita 100 tahun dijajah, tentulah ramai bekas-bekas penjajah dahulu masih lagi menghisap segala hasil negara kita melalui Undang-undang Perkhidmatan dan Tandatangan Perjanjian yang ditandatangani oleh Kerajaan kita apabila mencapai kemerdekaan.

Saya sangat bersyukur kepada Tuhan bahawa Kerajaan kita telah sedar iaitu dipindahkan, ditetapkan tanggungjawab Kerajaan Malaysia mengenai pencen ini dipindahkan kepada Kerajaan United Kingdom yang mana hendaklah dengan itu bertanggungjawab bagi mengawal, mentadbir dan membayar pencen yang telah diaward sebelum

hari yang ditetapkan dan bagi mengaward, mengawal, mentadbir dan membayar pencen yang akan kena diaward pada atau selepas hari yang ditetapkan. Saya tahu perkara ini sekurang-kurangnya negara kita mengurangkan perbelanjaan kos pentadbiran negara bukannya senang hendak membayar pencen mereka itu duduk di England, tentulah sekurang-kurangnya bayar duit stem pun entah berapa ribu ringgit setahun, walhal harga stem kita di sini rakyat jelata teruk kena bayar cukai.

Langkah-langkah seperti ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh dan saya berharap Kerajaan kita akan terus melaksanakan dan bukan sahaja untuk meminda Undang-undang yang dibentangkan pada hari ini, saya berharap sekiranya demi untuk kepentingan negara dan orang ramai, kalau banyak lagi Undang-undang hendak dipinda—kita pinda, tidak usah kita takutkan pihak Pembangkang, kita pinda, sebab niat kita meminda adalah untuk kemajuan; niat kita meminda ialah untuk membetulkan keadaan; manusia berubah dan bertambah, yang tak beranak, tanah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, tetapi Undang-undang mesti diubah untuk mencari penyesuaian bagi faedah dalam negara kita.

Saya berharap di dalam pindaan Perkara 135 ini juga, Kerajaan dengan sendirinya akan dapat mengubahsuaikan General Order, Financial General Order yang telah kita anut daripada Kerajaan British yang telah berpuluh-puluh tahun macam sudah lapuk, seperti Quran buruk dapat kita sesuaikan. Dalam perkara ini, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kepada pihak-pihak yang berkenaan, terutama sekali yang menyediakan draf pindaan Perlembagaan ini. Saya percaya dalam bidang pentadbiran atasan pihak Kerajaan tentulah telah memikirkan sedalam-dalamnya supaya Undang-undang ini diubahsuaikan untuk faedah kita dan juga saya percaya pihak atasan pentadbiran Kerajaan sebelum mengemukakan perkara untuk ini Parlimen membincang dan meluluskan, tentulah juga mereka telah mengadakan rundingan dan mesyuarat, dari satu mesyuarat ke satu mesyuarat sehingga dapat persetujuan daripada pihak-pihak yang tertentu.

Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah menambahkan juga jawatan Timbalan Pengerusi dalam Perkara 141A di Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, sebab kita semua sedia maklum Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran dalam negara kita adalah memainkan peranan yang penting di dalam negara kita, dan sebagai contoh, dalam soal-jawab hari ini sahaja masalah tak cukup bilik darjah, teruk Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran kita menjawab sehinggakan beliau

berkata "sukan majulah untuk negara", sepatutnya "majulah sukan untuk negara", beliau tersilap (*Ketawa*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah sampai.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Terima kasih dan saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang hari esok, 8hb Disember, 1978.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*